

4 Kewangan Sektor Awam



Kewangan Sektor Awam

Tinjauan

Dasar fiskal memudahkan transformasi ekonomi

Belanjawan 2011 memberi tumpuan kepada transformasi ekonomi Malaysia melangkaui tahun 2011. Belanjawan ini memberi sokongan fiskal melalui pelaksanaan program dan projek yang mengikut jadual di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) serta 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di samping memastikan kemampunan kedudukan kewangan sektor awam. Sumber fiskal disasarkan ke arah merencanakan semula pelaburan swasta, mempergiatkan pembangunan modal insan, memastikan kesejahteraan hidup rakyat, memperkukuhkan sistem penyampaian sektor awam serta menyiapkan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Menyedari kepentingan ini, Dana Fasilitasi telah diperkenalkan untuk menyediakan sokongan infrastruktur bagi memastikan projek yang diterajui sektor swasta berdaya maju sebagai langkah memperhebat perkongsian awam-swasta (PPP). Pemilihan projek akan dibuat secara teliti dengan mengambil kira nilai strategik dan kesan pengganda tinggi kepada ekonomi.

Kutipan hasil yang lebih tinggi pada tahun 2011 membolehkan Kerajaan menampung keperluan perbelanjaan tambahan RM17.6 bilion walaupun menanggung komitmen belanjawan yang berat. Perbelanjaan tambahan terutamanya untuk menampung peningkatan peruntukan subsidi bahan api dan minyak masak disebabkan harga komoditi yang lebih tinggi, bantuan kebajikan, pelupusan sisa pepejal dan perkhidmatan udara luar bandar. Kerajaan akan terus memastikan pengurusan fiskal yang berhemat dalam perbelanjaan tanpa menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan. Subsidi gula dan bahan api, khususnya RON97 dan diesel untuk

kategori tertentu, telah dirasionalisasikan lagi. Langkah untuk mengawal perbelanjaan turut dijalankan, termasuk melakukan pengauditan jawatan, penempatan semula kakitangan dan pengurangan dalam perbelanjaan yang bukan kritikal. Buat pertama kalinya, pengurusan nilai telah diinstitusikan untuk semua projek baharu melebihi RM50 juta bagi mendapatkan kos yang optimum. Satu mekanisme pengawasan yang berkesan juga diwujudkan demi memastikan lebih akauntabiliti supaya projek dilaksanakan mengikut jadual.

Konsolidasi fiskal akan diteruskan dengan berhati-hati agar tidak menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi serta terus menyokong dasar makroekonomi yang dapat memperkukuh daya tahan ekonomi dalam negeri untuk jangka masa panjang. Oleh itu, defisit belanjawan Kerajaan Persekutuan akan dikurangkan secara beransur-ansur daripada 5.6% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2010 kepada 5.4% pada 2011. Sektor awam akan terus membantu memudahkan kegiatan sektor swasta melalui dasar yang jelas, konsisten dan mesra perniagaan, pembaharuan dalam pengawalseliaan serta penambahbaikan berterusan sistem penyampaian perkhidmatan. Sejarar dengan peranan penting sektor awam dalam ekonomi, sektor ini dijangka berkembang 7.6%, menyumbang 24.9% kepada KDNK pada 2011 (2010: 1.5%; 24.3%).

Kerajaan Persekutuan

Defisit fiskal lebih rendah

Kutipan hasil yang menggalakkan pada tahun 2011 membolehkan Kerajaan menampung komitmen perbelanjaan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kelembapan persekitaran luaran akan terus memberi kesan terhadap kewangan Kerajaan. Sehubungan dengan itu, adalah penting bagi Kerajaan untuk mengecilkkan defisit fiskal,

JADUAL 4.1

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010 – 2012

| | RM juta | | | Perubahan (%) | | |
|---------------------------------|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² |
| Hasil | 159,653 | 183,375 | 186,906 | 0.6 | 14.9 | 1.9 |
| Perbelanjaan mengurus | 151,633 | 180,283 | 181,584 | -3.5 | 18.9 | 0.7 |
| Baki semasa | 8,020 | 3,091 | 5,322 | | | |
| Perbelanjaan pembangunan kasar | 52,792 | 49,305 | 49,249 | 6.6 | -6.6 | -0.1 |
| Tolak: Terimaan balik pinjaman | 1,496 | 702 | 906 | | | |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 51,296 | 48,603 | 48,343 | 4.7 | -5.2 | -0.5 |
| Baki keseluruhan | -43,275 | -45,511 | -43,021 | | | |
| % kepada KDNK | -5.6 | -5.4 | -4.7 | | | |

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai 2012.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

menstabilkan atau mengurangkan kadar kenaikan hutang di samping melaksanakan polisi yang bersesuaian untuk mengukuhkan permintaan swasta. Dengan itu, Kerajaan akan terus mengurus keseimbangan di antara menyokong momentum pertumbuhan dan memastikan pengurusan kewangan berhemat.

Hasil

Kutipan hasil yang kukuh

Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011 dianggar lebih menggalakkan berikutan pengembangan berterusan ekonomi dalam negeri serta permintaan luar yang kukuh untuk komoditi. Jumlah kutipan hasil, yang tertinggi setakat ini, dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 14.9% kepada RM183.4 bilion atau 21.6% daripada KDNK (2010: 0.6%; RM159.7 bilion; 20.8%), disokong oleh pertumbuhan dua angka dalam hasil cukai dan peningkatan semula yang kukuh dalam hasil bukan cukai. Hasil cukai, mencakupi 70.4% daripada jumlah hasil, dianggar meningkat 18% kepada RM129.2 bilion (2010: 68.6%; 2.8%; RM109.5 bilion) sementara hasil bukan cukai

dijangka lebih tinggi sebanyak 8.1% kepada RM54.2 bilion (2010: -3.8%; RM50.1 bilion).

Hasil **cukai langsung** dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 22.1% kepada RM96.5 bilion (2010: 0.8%; RM79 bilion). Kutipan daripada cukai pendapatan syarikat dijangka meningkat 21.2% kepada RM44 bilion (2010: 20.1%; RM36.3 bilion), mencerminkan keuntungan syarikat yang terus bertambah baik. Demikian juga, kutipan cukai pendapatan individu diunjurkan meningkat sebanyak 10.6% kepada RM19.7 bilion (2010: 14.2%; RM17.8 bilion) disebabkan peningkatan yang stabil dalam pendapatan individu.

Meskipun jumlah pengeluaran lebih rendah, permintaan yang kukuh untuk minyak mentah terutamanya daripada negara membangun berkembang pesat dijangka meningkatkan hasil daripada cukai pendapatan petroleum (PITA). Harga minyak mentah (Tapis) yang mencatat purata sebanyak USD84 setong bagi tahun 2010 dan kini pada paras USD117 setong setakat 28 September 2011, dijangka akan terus kekal tinggi sepanjang tahun ini. Dengan itu, terimaan daripada PITA diunjurkan melonjak semula dengan kukuh sebanyak 38.9% kepada RM26

JADUAL 4.2

**Hasil Kerajaan Persekutuan
2010 – 2012**

| | RM juta | | | Perubahan (%) | | | Bahagian (%) | | |
|------------------------------------|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² |
| Hasil Cukai | 109,515 | 129,182 | 135,618 | 2.8 | 18.0 | 5.0 | 68.6 | 70.4 | 72.6 |
| Cukai langsung antaranya: | 79,009 | 96,457 | 102,099 | 0.8 | 22.1 | 5.8 | 49.5 | 52.6 | 54.6 |
| Syarikat | 36,266 | 43,970 | 47,470 | 20.1 | 21.2 | 8.0 | 22.7 | 24.0 | 25.4 |
| PITA ³ | 18,713 | 25,993 | 26,182 | -31.3 | 38.9 | 0.7 | 11.7 | 14.2 | 14.0 |
| Individu | 17,805 | 19,696 | 21,347 | 14.2 | 10.6 | 8.4 | 11.2 | 10.7 | 11.4 |
| Cukai tidak langsung antaranya: | 30,507 | 32,725 | 33,519 | 8.5 | 7.3 | 2.4 | 19.1 | 17.8 | 17.9 |
| Duti eksais | 11,770 | 11,783 | 11,881 | 16.9 | 0.1 | 0.8 | 7.4 | 6.4 | 6.4 |
| Cukai jualan | 8,171 | 8,605 | 8,965 | -5.0 | 5.3 | 4.2 | 5.1 | 4.7 | 4.8 |
| Hasil bukan cukai antaranya: | 50,138 | 54,193 | 51,288 | -3.8 | 8.1 | -5.4 | 31.4 | 29.6 | 27.4 |
| Lesen/permit | 10,331 | 11,137 | 11,701 | -3.3 | 7.8 | 5.1 | 6.5 | 6.1 | 6.3 |
| Pendapatan pelaburan | 34,576 | 37,832 | 33,980 | -7.5 | 9.4 | -10.2 | 21.7 | 20.6 | 18.2 |
| Jumlah hasil | 159,653 | 183,375 | 186,906 | 0.6 | 14.9 | 1.9 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| % kepada KDNK | 20.8 | 21.6 | 20.4 | | | | | | |

¹ Anggaran disemak.


² Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai 2012.

³ Cukai pendapatan petroleum.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

CARTA 4.1

Hasil Kerajaan Persekutuan



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

bilion (2010: -31.3%; RM18.7 bilion). Perubahan dalam layanan cukai bagi taksiran PITA yang berkuat kuasa 1 Januari 2010 serta peruntukan yang diberikan kepada syarikat petroleum hulu untuk membayar cukai pendapatan bagi tahun 2010 berdasarkan pendapatan yang diterima dalam tahun 2009 secara ansuran selama 5 tahun turut menyumbang kepada terimaan PITA yang kukuh. Sejalan dengan transaksi perniagaan yang lebih tinggi, hasil daripada duti setem dijangka kekal teguh sebanyak RM4.6 bilion dan duti atas keuntungan harta (RPGT) sebanyak RM369 juta dan cukai pegangan sebanyak RM1.4 bilion.

Pada tahun 2010, perdagangan borong dan runcit merupakan penyumbang terbesar kepada hasil cukai, diikuti industri minyak dan gas, hotel dan restoran, sektor pembuatan, pertanian dan perhutanan serta pengangkutan dan komunikasi. Jumlah pembayar cukai berdaftar setakat akhir Julai 2011 sebanyak 6.6 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak 6.1 juta (92.7%) adalah pembayar cukai individu, 468,808 (7.1%) merupakan pembayar cukai syarikat manakala selebihnya termasuk pertubuhan dan pelbagai pertubuhan amanah. Borang yang dikenakan cukai merangkumi 1,788,337 individu dan 94,569 syarikat.

Jumlah pembayar cukai yang mengembalikan borang cukai menggunakan e-Filing telah meningkat sejak diperkenalkan pada 2006. Sehingga akhir Julai 2011, lebih 2.2 juta pembayar cukai mengembalikan borang cukai melalui e-Filing, kenaikan 11.7% berbanding tahun 2010. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terus berusaha untuk meningkatkan kutipan hasil melalui peningkatan kecekapan dalam pengembalian borang cukai, kutipan dan pentadbiran cukai. Usaha juga dibuat bagi menambah baik kepatuhan dan memperluas asas cukai melalui penguatkuasaan, audit lapangan dan penyiasatan.

Hasil **cukai tidak langsung** dijangka meningkat 7.3% kepada RM32.7 bilion (2010: 8.5%; RM30.5 bilion) disebabkan oleh penggunaan swasta yang kukuh, pengembangan berterusan dalam aktiviti pembuatan dan perniagaan serta harga minyak mentah yang menggalakkan. Hasil daripada duti eksais ke atas barangan import dan buatan tempatan dijangka kekal teguh sebanyak RM11.8 bilion disumbang oleh

permintaan berterusan untuk barangan seperti kenderaan bermotor, minuman beralkohol dan rokok. Pindaan terkini terhadap Akta Sewa Beli 1967 yang pada mulanya menyebabkan pendaftaran kenderaan lebih perlahan dijangka tidak akan memberi kesan negatif ke atas duti eksais yang merupakan komponen terbesar cukai tidak langsung. Terimaan daripada cukai jualan ke atas barangan import dan buatan tempatan juga dijangka kekal stabil sebanyak RM8.6 bilion, disokong oleh perbelanjaan berterusan pengguna dan aktiviti pelaburan swasta. Jumlah kutipan cukai perkhidmatan dijangka tinggi berikutan pertambahan RM759 juta kepada RM5 bilion (2010: RM3.9 bilion) kesan kenaikan kadar cukai perkhidmatan daripada 5% kepada 6% serta kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak 6% ke atas perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar berkuat kuasa 1 Januari 2011. Sementara itu, hasil daripada duti eksport dijangka lebih tinggi sebanyak 12.6% kepada RM2 bilion (2010: 57.1%; RM1.8 bilion) walaupun jumlah eksport minyak mentah yang lebih rendah disebabkan harga minyak mentah (Tapis) dijangka kekal tinggi sepanjang tahun 2011. Minyak mentah merupakan penyumbang terbesar kepada duti eksport.

Terimaan daripada duti import akan terus kekal stabil sebanyak RM2 bilion, selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan terhadap liberalisasi tarif di bawah perjanjian perdagangan serantau dan dua hala. Dalam bajet 2011, duti import yang berkadar antara 5% hingga 30% ke atas 300 barangan yang popular dalam kalangan pelancong serta beberapa barangan keperluan harian telah dimansuhkan berkuat kuasa 15 Oktober 2010. Status bebas cukai barangan tersebut dijangka tidak akan menjejaskan hasil Kerajaan. Kutipan levi ke atas minyak sawit mentah (CPO), kenderaan barang-barang dan elektrik dijangka meningkat 82.3% kepada RM803 juta (2010: 49.2%; RM440 juta). Ini disebabkan harga minyak sawit mentah yang menggalakkan dan ia dijangka kekal melebihi paras had nilai levi sebanyak RM2,500 setan metrik di Semenanjung Malaysia dan RM3,000 setan metrik di Sabah dan Sarawak. Harga purata CPO sehingga 27 September 2011 adalah sebanyak RM3,368 setan metrik (2010: RM2,701 setan metrik).

Hasil bukan cukai yang merangkumi 29.6% daripada jumlah hasil diunjurkan sebanyak RM54.2 bilion, peningkatan 8.1% berbanding tahun 2010 (2010: 31.4%; RM50.1 bilion; -3.8%). Pendapatan pelaburan, sumber utama hasil bukan cukai, dijangka meningkat 9.4% kepada RM37.8 bilion (2010: -7.5%; RM34.6 bilion) selari dengan keuntungan yang bertambah baik kesan daripada pengembangan berterusan aktiviti sektor swasta di dalam dan luar negara. Penyumbang utama pendapatan dividen adalah PETRONAS (RM30 bilion), Bank Negara Malaysia (BNM) (RM2 bilion), Khazanah (RM500 juta) dan syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Sementara itu, terimaan daripada lesen, bayaran pendaftaran dan permit dijangka meningkat 7.8% kepada RM11.1 bilion (2010: -3.3%; RM10.3 bilion). Harga minyak mentah (Tapis) yang lebih tinggi, walaupun dengan jumlah pengeluaran lebih rendah, dijangka meningkatkan sumbangan royalti petroleum (RM5.1 bilion) kepada hasil bukan cukai. Kutipan lesen kenderaan bermotor (RM2.1 bilion) juga dijangka meningkat disebabkan jualan kenderaan penumpang dan perdagangan yang lebih tinggi. Selain daripada itu, peningkatan dalam levi ke atas pekerja asing sebanyak RM50 di semua sektor berkuat kuasa 1 September 2011 juga dijangka meningkatkan lagi terimaan levi. Kadar levi baharu yang dikenakan adalah antara RM410 untuk sektor pertanian hingga RM1,850 untuk sektor perkhidmatan. Sehingga akhir bulan Ogos, sejumlah 2.3 juta pekerja asing yang sah dan tidak sah telah didaftarkan di bawah program pendaftaran biometrik.

Sumber hasil bukan cukai lain dijangka kekal stabil sebanyak RM3 bilion. Terimaan hasil ini terutamanya daripada pengeluaran minyak dan gas di bawah Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) yang dijangka berjumlah RM1.3 bilion serta denda dan penalti sebanyak RM1.4 bilion. Selain daripada itu, terimaan bukan hasil merangkumi pulangan balik perbelanjaan dan terimaan daripada agensi Kerajaan serta hasil daripada wilayah persekutuan dijangka sebanyak RM1.1 bilion.

Perbelanjaan

Perbelanjaan mengurus lebih tinggi

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2011 dijangka meningkat 12.3% kepada RM229.6 bilion. Daripada jumlah ini, RM180.3 bilion diperuntukkan kepada perbelanjaan mengurus manakala baki sebanyak RM49.3 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 18.9% berikutan komitmen yang semakin bertambah disebabkan peningkatan harga minyak mentah dan komoditi dunia serta bagi memenuhi keperluan pertambahan peruntukan pada 2011. Pertambahan peruntukan ini termasuk perbelanjaan bagi menampung inisiatif transformasi di bawah NKRA (RM1.2 bilion) dan NKEA (RM281 juta). Sehubungan dengan itu, sumbangan perbelanjaan mengurus kepada jumlah perbelanjaan dijangka meningkat kepada 78.5% pada 2011 (2010: 74.2%). **Emolumen** kekal sebagai komponen terbesar perbelanjaan mengurus iaitu 27.7% daripada perbelanjaan mengurus atau RM49.9 bilion (2010: 30.8%; RM46.7 bilion). Peruntukan yang lebih tinggi ini termasuk pemberian bonus setengah bulan dengan bayaran minimum sebanyak RM500 kepada 1.27 juta penjawat awam, berjumlah RM1.7 bilion.

Beberapa langkah sedang dilaksanakan untuk merasionalisasikan saiz perkhidmatan awam dan mewujudkan tenaga kerja yang lebih kejar. Berkuat kuasa 1 Jun 2011, Kerajaan telah membekukan pengambilan kakitangan baru dan pengisian jawatan tidak diisi untuk memudahkan pengauditan jawatan di semua jabatan Kerajaan bertujuan untuk memansuhkan atau menempatkan jawatan ke agensi yang lebih memerlukan.

Subsidi, komponen kedua terbesar merangkumi 18.2% daripada perbelanjaan mengurus dijangka meningkat ketara 41.9% kepada RM32.8 bilion atau 3.9% daripada KDNK walaupun dengan pelaksanaan program rasionalisasi subsidi (2010: 15.2%; 13.6%; RM23.1 bilion; 3%). Kategori subsidi

JADUAL 4.3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2010 – 2012

| | RM juta | | | Perubahan (%) | | | Bahagian (%) | | |
|--|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² |
| Emolumen | 46,663 | 49,913 | 52,017 | 9.1 | 7.0 | 4.2 | 30.8 | 27.7 | 28.6 |
| Bayaran khidmat hutang | 15,621 | 18,517 | 20,453 | 9.8 | 18.5 | 10.5 | 10.3 | 10.3 | 11.3 |
| Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri | 4,689 | 5,511 | 5,846 | -4.2 | 17.5 | 6.1 | 3.1 | 3.1 | 3.2 |
| Pencen dan ganjaran | 11,515 | 12,957 | 12,088 | 13.5 | 12.5 | -6.7 | 7.6 | 7.2 | 6.7 |
| Bekalan dan perkhidmatan | 23,841 | 29,532 | 30,480 | -9.6 | 23.9 | 3.2 | 15.7 | 16.4 | 16.8 |
| Subsidi | 23,106 | 32,798 | 33,197 | 13.6 | 41.9 | 1.2 | 15.2 | 18.2 | 18.3 |
| Pemberian kepada badan berkanun ³ | 12,407 | 13,368 | 14,451 | 3.2 | 7.7 | 8.1 | 8.2 | 7.4 | 8.0 |
| Bayaran balik dan hapus kira | 601 | 1,083 | 1,362 | 8.4 | 80.2 | 25.8 | 0.4 | 0.6 | 0.8 |
| Lain-lain | 13,189 | 16,604 | 11,690 | -48.7 | 25.9 | -29.6 | 8.7 | 9.2 | 6.4 |
| Jumlah | 151,633 | 180,283 | 181,584 | -3.5 | 18.9 | 0.7 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| % kepada KDNK | 19.8 | 21.3 | 19.8 | | | | | | |

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira langkah Belanjawan 2012.

³ Termasuk emolumen.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

terdiri daripada pelbagai jenis subsidi (RM22.5 bilion), insentif (RM518 juta) dan program bantuan sosial (RM9.8 bilion). Penyumbang kepada kategori subsidi ini ialah subsidi bahan api, gula, minyak masak, insentif untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta bantuan pendidikan dan program kebajikan sosial.

Perbelanjaan subsidi bahan api yang merangkumi 8.8% daripada perbelanjaan mengurus dijangka melonjak 65.1% kepada RM15.9 bilion berikutan kenaikan harga minyak mentah (2010: 6.3%; 55.2%; RM9.6 bilion). Sebagai penunjuk, harga purata minyak mentah Dated Brent sehingga 28 September 2011 berada pada USD112 setong (2010: USD80 setong). Antara sebahagian daripada langkah dalam rasionalisasi subsidi, subsidi bagi diesel 'super' yang dijual pada harga RM1.48 seliter untuk kapal nelayan laut dalam Zon C2 (melebihi 30 batu nautika) telah dimansuhkan berkuat kuasa 1 Jun 2011 bagi membendung aktiviti penjualan haram dan penyeludupan. Walaupun kapal perikanan Zon C2 membayar RM1.80 seliter untuk diesel, insentif tangkapan

ikan telah dinaikkan daripada 10 sen kepada 20 sen sekilogram untuk menggalakkan aktiviti sebenar penangkapan ikan. Subsidi bagi diesel 'super' yang dijual pada harga RM1.48 seliter yang turut dinikmati oleh sembilan jenis kenderaan komersil seperti kargo am, penggerak utama, lori tangki air, teksi limosin, lori luton kotak, van (panel van, semi panel van dan *window* van), lori rigid (bagi minuman botol, tepung dan barangan beku) telah dimansuhkan berkuat kuasa 1 Jun 2011. Kategori tersebut kini membayar mengikut harga semasa diesel bersubsidi di pam minyak sebanyak RM1.80 seliter. Walau bagaimanapun, diesel 'super' subsidi dikekalkan untuk kenderaan seperti bas sekolah, teksi, ambulans, kereta sewa, trak bomba dan kereta jenazah.

Langkah-langkah lain juga diperkenalkan untuk membendung kegiatan penyalahgunaan bahan api bersubsidi secara berleluasa. Semua stesen minyak berhampiran kawasan sempadan dikehendaki menutup operasi pada jam 10 malam berkuat kuasa 1 Jun 2011 bagi mengurangkan aktiviti penyeludupan diesel dan petrol bersubsidi

melempi sempadan. Walau bagaimanapun, tiada sekatan ke atas penjualan petrol gred premium, RON97 kepada warga asing. Harga RON97 yang diapungkan secara terkawal kini dijual pada RM2.90 seliter. Bermula 15 Jun 2011, rakyat Malaysia yang menggunakan kereta berpendaftaran asing adalah dilarang daripada membeli petrol RON95 dan gas asli. Penjualan diesel juga dihadkan kepada 20 liter bagi setiap kenderaan bagi stesen minyak dalam jarak 50 kilometer dari pintu sempadan negara. Walaupun harga Dated Brent kekal tinggi pada USD105 setong setakat 28 September 2011, subsidi ke atas minyak petrol RON95 yang digunakan secara meluas, tidak dimansuhkan kerana Kerajaan prihatin akan kesan tekanan inflasi kepada rakyat. Rasionalisasi subsidi gula diteruskan dengan peningkatan harga sebanyak 20 sen kepada RM2.30 sekilogram berkuat kuasa 10 Mei 2011.

Subsidi untuk meringankan beban kewangan rakyat termasuk peruntukan untuk skim penstabilan harga minyak masak (RM1.6 bilion), pampasan tol (RM200 juta), tepung gandum (RM113 juta), pengangkutan udara dan kereta api luar bandar (RM283 juta) serta rebat bagi isi rumah berpendapatan rendah dengan penggunaan elektrik kurang daripada RM20 sebulan (RM150 juta). Di samping itu, subsidi perbezaan kadar faedah diperuntukkan RM1.6 bilion bagi pinjaman kepada pelajar institusi pengajian tinggi, skim kredit mikro dan untuk menggalakkan pembangunan di sektor strategik seperti pelancongan, pengangkutan awam, teknologi hijau dan industri maritim.

Pada tahun 2011, RM2.9 bilion diperuntukkan bagi program pengeluaran makanan mencukupi, meningkatkan produktiviti dalam subsektor makanan serta menstabilkan harga barangan makanan keperluan. Subsidi (RM2.4 bilion) dan insentif (RM518 juta) yang disediakan bertujuan membantu golongan petani dan nelayan menjalankan program meningkatkan pengeluaran makanan. Inisiatif yang dilaksanakan termasuk subsidi harga padi, baja dan benih padi serta insentif untuk meningkatkan hasil padi. Nelayan, pemilik dan pekerja bot juga diberikan insentif untuk meningkatkan pendaratan ikan. Elaun bulanan sebanyak RM200 diberikan kepada

pemilik bot dan pekerja, sementara insentif 10 sen diberikan bagi setiap kilogram tangkapan ikan.

Program bantuan sosial diperuntukkan RM9.8 bilion pada tahun 2011. Komponen pertama berjumlah RM7.2 bilion meliputi biasiswa di semua peringkat pendidikan dan pembangunan kerjaya profesional serta program bantuan kewangan kepada pelatih di pusat latihan kemahiran dan pelbagai program bantuan pendidikan lain. Ini termasuk program makanan bernutrisi, bantuan buku teks serta caruman kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) (RM200 juta).

Komponen kedua program bantuan sosial meliputi pelbagai bentuk bantuan kewangan (RM2.6 bilion), disediakan untuk meningkatkan kualiti hidup golongan miskin, warga emas, orang kurang upaya dan golongan mudah terjejas lain. Ini termasuk peruntukan RM438 juta di bawah NKRA bagi program isi rumah berpendapatan rendah untuk mengurangkan insiden kemiskinan termasuk kemiskinan tegar. Antara inisiatif yang diambil termasuk menyediakan latihan kepada usahawan wanita, sokongan bagi meningkatkan pemilikan rumah serta aktiviti penjanaan pendapatan yang mampan dan peningkatan produktiviti golongan miskin. Sementara itu, RM37 juta disediakan untuk meningkatkan taraf hidup orang asli. Bantuan yang disediakan meliputi bantuan makanan bernutrisi, program pendidikan dan kebajikan, biasiswa ke institusi pengajian tinggi serta input pertanian untuk meningkatkan pendapatan daripada pertanian.

Bekalan dan perkhidmatan yang merangkumi 16.4% daripada perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 23.9% kepada RM29.5 bilion (2010: 15.7%; -9.6%; RM23.8 bilion) sejajar dengan peningkatan komitmen Kerajaan dalam usaha berterusan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Bayaran khidmat profesional dan teknikal, pembaikan dan penyelenggaraan, bekalan, sewaan serta perhubungan dan utiliti merupakan komponen utama perbelanjaan ini. Perbelanjaan lain termasuk perjalanan, makanan dan minuman. Seterusnya, dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan elektrik

dan meningkatkan kecekapan tenaga, semua jabatan Kerajaan dikehendaki menetapkan suhu penghawa dingin tidak kurang daripada 24°C serta menggunakan mentol cekap tenaga.

Peruntukan bagi **perolehan aset** dijangka menguncup 18.6% kepada RM1.5 bilion selaras dengan langkah inovatif Kerajaan untuk mengawal perbelanjaan dengan memaksimumkan penggunaan aset. Antara langkah yang diambil termasuk penggunaan kem milik angkatan tentera untuk latihan oleh pihak polis dan penempatan banduan prapelepasan untuk mengurangkan kos. Rondaan bersama untuk pencegahan jenayah juga dilaksanakan di Perak, Kelantan, Negeri Sembilan serta di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Kerjasama di antara pihak polis dan angkatan tentera membolehkan penggunaan sumber yang optimum demi kebaikan rakyat serta membina persefahaman di antara badan beruniform ini. Penguatkuasaan maritim telah diperkemas untuk menghapuskan pertindihan fungsi dan tugas antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pasukan Gerakan Marin (PGM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). APMM kini merupakan agensi penguatkuasaan maritim tunggal dan telah menyerap kakitangan terlatih dan peralatan daripada JKDM dan PGM.

Bayaran khidmat hutang merupakan bayaran tanggungan mengikut perlembagaan yang perlu diberikan keutamaan berbanding perbelanjaan bekalan lain. Bayaran ini dijangka meningkat 18.5% kepada RM18.5 bilion (2010: 9.8%; RM15.6 bilion) pada 2011 selaras dengan kenaikan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, paras hutang masih berada dalam had yang berhemat iaitu di bawah 55% daripada KDNK. Bayaran khidmat hutang kekal stabil pada 10.3% daripada perbelanjaan mengurus.

Geran kepada badan berkanun yang sebahagian besarnya untuk pembayaran emolumen serta bekalan dan perkhidmatan dijangka meningkat 7.7% kepada RM13.4 bilion (2010: 3.2%; RM12.4 bilion). Sejumlah besar peruntukan ini disalurkan kepada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA),

tiga hospital mengajar, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LHDN. Sementara itu, sebanyak RM5.5 bilion disediakan untuk **geran dan pindahan kepada kerajaan negeri. Pencen dan ganjaran** diperuntukkan RM13 bilion (2010: RM11.5 bilion) termasuk bantuan khas kewangan sebanyak RM500 kepada 617,637 pesara yang dibayar pada Ogos 2011.

Perbelanjaan pembangunan dijangka lebih rendah sebanyak RM49.3 bilion pada 2011 berbanding tahun 2010 (RM52.8 bilion) yang mempunyai suntikan fiskal langsung sebanyak RM5 bilion di bawah pakej rangsangan ekonomi kedua. Jumlah ini termasuk peruntukan bagi pelaksanaan inisiatif pembaharuan di bawah enam NKRA (RM8.5 bilion), 12 NKEA (RM4.6 bilion), projek sambungan daripada RMKe-9 (RM24.7 billion) dan untuk projek baru di bawah RMKe-10 (RM10.5 bilion). Di samping itu, RM1 bilion diperuntukkan bagi Dana Fasilitasi untuk melaksanakan projek bernilai strategik dan mempunyai kesan pengganda tinggi di bawah PPP. Berdasarkan peruntukan mengikut sektor, perkhidmatan ekonomi merupakan penerima terbesar sebanyak 57.2% diikuti oleh perkhidmatan sosial (32%), keselamatan (8.9%) dan pentadbiran am (1.9%).

Pendekatan pelaksanaan projek di bawah RMKe-10 adalah berbeza berbanding pelan pembangunan sebelumnya. RMKe-10 melibatkan penyertaan meluas pihak berkepentingan melalui rundingan yang lebih terperinci dengan kerajaan negeri, ahli parlimen, badan bukan Kerajaan (NGO) serta sektor swasta dalam usaha mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Mulai tahun 2011, projek dan program pembangunan baharu dilaksanakan melalui *rolling plan basis* dan penilaian kemajuan projek dilakukan setiap tahun. Ini membolehkan Kerajaan bertindak balas dengan pantas terhadap kejutan sistemik dalam ekonomi serta mempertimbang hala tuju polisi baru sejajar dengan kedudukan fiskal Kerajaan. Analisis pengurusan nilai dan penilaian kos hayat akan dilaksanakan bagi projek pembangunan baharu melebihi RM50 juta untuk memastikan nilai setimpal dan mengoptimumkan kos. Pembiayaan bagi inisiatif

JADUAL 4.4

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2010 – 2012

| | RM juta | | | Perubahan (%) | | | Bahagian (%) | | |
|---------------------------------------|---------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² |
| Perkhidmatan ekonomi | 26,121 | 28,201 | 29,819 | -1.2 | 8.0 | 5.7 | 49.5 | 57.2 | 60.5 |
| antaranya: | | | | | | | | | |
| Pertanian dan pembangunan luar bandar | 2,920 | 836 | 1,880 | -47.0 | -71.4 | 124.8 | 5.5 | 1.7 | 3.8 |
| Perdagangan dan perindustrian | 6,987 | 9,317 | 5,052 | 42.1 | 33.3 | -45.8 | 13.2 | 18.9 | 10.3 |
| Pengangkutan | 8,665 | 9,670 | 9,973 | -8.3 | 11.6 | 3.1 | 16.4 | 19.6 | 20.2 |
| Perkhidmatan sosial | 20,784 | 15,774 | 13,623 | 19.5 | -24.1 | -13.6 | 39.4 | 32.0 | 27.7 |
| antaranya: | | | | | | | | | |
| Pendidikan dan latihan | 12,046 | 10,363 | 8,537 | 11.3 | -14.0 | -17.6 | 22.8 | 21.0 | 17.3 |
| Kesihatan | 3,780 | 2,216 | 1,948 | 46.8 | -41.4 | -12.1 | 7.2 | 4.5 | 4.0 |
| Perumahan | 1,333 | 918 | 738 | -4.4 | -31.2 | -19.6 | 2.5 | 1.9 | 1.5 |
| Keselamatan | 3,970 | 4,373 | 4,383 | 0.3 | 10.2 | 0.2 | 7.5 | 8.9 | 8.9 |
| Pentadbiran am | 1,917 | 957 | 1,424 | 10.8 | -50.1 | 48.9 | 3.6 | 1.9 | 2.9 |
| Jumlah | 52,792 | 49,305 | 49,249 | 6.6 | -6.6 | -0.1 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| % kepada KDNK | 6.9 | 5.8 | 5.4 | | | | | | |

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Belanjawan.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganapan.

ini akan disandarkan kepada keberhasilan projek bagi memastikan keberkesanan, kebertanggungjawaban dan ketelusan. Selain daripada itu, sistem pemantauan projek yang agresif telah diinstitusikan untuk mengurangkan pembaziran dan kelewatan dalam pelaksanaan projek. Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan Unit Pengurusan Projek (PMU) telah ditugaskan untuk mengenalpasti, menangani masalah dan mempercepat pelaksanaan projek bagi memastikan projek dan program dapat disiapkan mengikut jadual dan peruntukan yang telah diluluskan. Terdapat lebih daripada 7,240 projek dan program akan dilaksanakan di bawah *rolling plan* pertama (RP1) mulai tahun 2011 hingga 2012 dengan lebih tumpuan diberi terhadap sektor ekonomi dan sosial. Daripada jumlah ini, sebanyak 80% merupakan projek

fizikal dan selebihnya meliputi pelbagai program, dana dan geran bagi tujuan strategik, kajian kemungkinan, pembangunan modal insan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Di bawah tahun pertama RP1, sektor **perkhidmatan ekonomi** diperuntukkan RM28.2 bilion selari dengan usaha meningkatkan daya saing dan kapasiti produktif negara. Daripada jumlah ini, subsektor pengangkutan diperuntukkan jumlah terbesar sebanyak RM9.7 bilion (2010: RM8.7 bilion) terutamanya bagi pembinaan, penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan dan jambatan, landasan kereta api, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti serta infrastruktur luar bandar. Projek sambungan utama daripada RMKe-9 termasuk kerja naik taraf jalan raya dari Sapulut ke Kalabakan di Sabah, pembinaan Jalan Lingkaran Tengah Seremban (Fasa 3), Lebuhraya

Pantai Timur (LPT) Fasa II dari Jabor ke Kuala Terengganu serta penaiktarafan Jalan Lingkaran Pulau Indah. Keutamaan juga diberikan kepada pembinaan, penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan kampung dan di luar bandar seluruh negara, terutamanya di Sabah dan Sarawak, di bawah inisiatif NKRA untuk menambah baik infrastruktur asas luar bandar (RM6.6 bilion). Inisiatif ini bertujuan meningkatkan akses ke pusat bandar dan menyokong aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar. Projek kereta api yang masih dalam pembinaan termasuk projek landasan elektrik berkembar Ipoh – Padang Besar, Seremban – Gemas serta Gemas – Johor Bahru. Peruntukan juga disediakan bagi pembelian dan pembaharuan *rolling stock* oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan untuk meningkatkan perkhidmatan sokongan di stesen KTM Komuter. Projek pembangunan lain termasuk kerja-kerja menaik taraf dan peluasan lapangan terbang Sibu, Kota Bharu dan Ipoh serta sistem penyuraian trafik KL Sentral.

Sejumlah RM1.4 bilion juga diperuntukkan bagi NKRA pengangkutan awam bandar (UPT) yang mensasarkan penggunaan pengangkutan awam yang lebih menyeluruh bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar raya. Projek yang akan dilaksanakan, termasuk menaik taraf kemudahan di stesen KTM Komuter, membina tempat menunggu bas, laluan pejalan kaki berbumbung, laluan khas bas, tempat meletak kenderaan dan kemudahan *park-and-ride* di stesen transit aliran ringan (LRT) serta stesen pengangkutan awam yang lain. Langkah juga akan diambil bagi meningkatkan pengawasan dan penguatkuasaan bagi menjamin keselamatan awam. Bagi menyediakan sistem pengangkutan yang selesa, cekap, selamat dan bersepadu, projek My Rapid Transit (MRT) telah dilancarkan pada Julai 2011. Projek mega ini akan mentransformasikan landskap jaringan rel bandar serta menjana aktiviti ekonomi dengan ketara dan dijangka siap secara berperingkat bermula dari tahun 2016 hingga 2020. Peruntukan sebanyak RM1.4 bilion disediakan di bawah NKEA Greater KL (Lembah Klang) bagi membiayai kerja awalan bagi fasa pertama Aliran Sungai Buloh – Kajang

termasuk kos pengambilan alihan tanah dan perkhidmatan perunding.

Subsektor perdagangan dan perindustrian diperuntukkan RM9.3 bilion pada tahun 2011 (2010: RM7 bilion). Program pembangunan utama termasuk menaik taraf kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian, pembiayaan pelaburan strategik, pembangunan usahawan dan kemahiran serta program pembangunan vendor bagi sektor automotif. Keutamaan akan terus diberi untuk membantu, membangun serta menambah baik daya saing perusahaan kecil dan sederhana (SME). SME merupakan sebahagian besar daripada jumlah perniagaan yang berdaftar iaitu 99.2%. Perusahaan ini menyediakan peluang pekerjaan kepada 56% daripada jumlah tenaga pekerja dan menyumbang kira-kira 31% kepada KDNK. Berikutan peranan penting SME dalam ekonomi, akses bagi mendapatkan pembiayaan, khidmat nasihat dan teknikal bagi pembangunan produk, pemasaran, kemahiran dan peningkatan teknologi akan terus dipermudah. Peruntukan juga disediakan bagi mempromosikan, membangunkan produk dan memasarkan taman halal SME di kebanyakan negeri. Selain daripada itu, sejumlah RM79.8 juta diperuntukkan kepada SME Corporation Malaysia (SME Corp) untuk menyediakan pinjaman mudah, program Perusahaan Mikro 1Malaysia, program latihan amali dan perantisan serta peningkatan kemahiran. Sementara itu, peruntukan juga disalurkan bagi mempromosikan perusahaan francais, memodenkan koperasi serta untuk perbadanan pembangunan ekonomi negeri melaksanakan pelbagai program pembangunan.

Pembangunan koridor dan wilayah akan dipercepat melalui peruntukan sebanyak RM506 juta bagi membina infrastruktur sokongan yang komprehensif. Jumlah ini akan digunakan bagi pembinaan jalan raya, penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam, pembangunan kawasan pelancongan dan perumahan serta pembinaan kawasan perindustrian, projek bekalan air dan loji rawatan. Selain daripada itu, dana juga akan diperuntukkan bagi projek khas seperti pembangunan Pusat Pemprosesan Produk Pertanian dan Pusat Inkubator Bioteknologi di

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) serta projek kluster industri minyak sawit, presint perindustrian agro dan pusat pertanian bersepadu di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE). Sementara pembangunan infrastruktur diberi keutamaan di Iskandar Malaysia, projek di Koridor Pembangunan Sabah (SDC) adalah lebih komprehensif. Ini termasuk Industri Kluster Kelapa Sawit (POIC) di Lahad Datu, Sandakan serta pembangunan presint agro industri di Kimanis (Sabah) dan Pusat Intergrasi Penternakan Keningau (KLIC). Di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), tumpuan adalah untuk pembangunan semula kawasan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka serta pembinaan taman perindustrian di Pekan (Pahang) dan Pasir Mas (Kelantan).

Subsektor pelancongan diberi peruntukan sebanyak RM162 juta bagi menaik taraf kemudahan berkaitan pelancongan, melakukan aktiviti promosi yang intensif di dalam dan luar negara serta membangunkan produk pelancongan khusus seperti pelancongan agro, pelancongan seni dan pelancongan spa. Program sedia ada seperti pelancongan kesihatan, ekopelancongan, pelancongan pendidikan serta program inap desa dan Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) akan terus diperhebat. Sehingga Ogos 2011, MM2H telah menarik lebih daripada 16,100 peserta. Peruntukan juga disediakan untuk menganjurkan lebih banyak acara bertaraf antarabangsa bagi menarik pelancong luar yang berpendapatan tinggi ke Malaysia. Pada tahun 2011, ketibaan pelancong dijangka lebih tinggi, iaitu 25.3 juta (2010: 24.6 juta).

Sejumlah besar peruntukan juga disediakan bagi memodenkan dan mengkomersialkan sektor pertanian. Bagi tujuan ini, subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar diperuntukkan RM836 juta atau 1.7% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2010: RM2.9 bilion; 5.5%). Penekanan diberi ke atas amalan kaedah pertanian komersial dan moden serta aktiviti bernilai tambah tinggi, menaik taraf infrastruktur, menggunakan amalan terbaik pertanian, pendekatan pemasaran inovatif serta menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Infrastruktur pengairan dan saluran akan dinaik taraf bagi memastikan jaminan

bekalan makanan, meningkatkan tahap sara diri dan mempertingkatkan kualiti hasil pertanian. Benih padi yang berkualiti tinggi akan digunakan bagi meningkatkan produktiviti di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan kawasan penanaman padi yang lain. Pesawah bakal mendapat manfaat daripada projek Empangan Paya Peda yang sedang dibina dan dijangka siap pada 2014 bagi meningkatkan bekalan air kepada Skim Pengairan Padi di Besut, Terengganu.

Peruntukan juga disediakan bagi membangunkan Zon Akuakultur Bersepadu berskala besar yang memenuhi kualiti piawaian di Pitas, Sungai Telaga dan Sungai Padan di Sabah. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), ladang kontrak serta ladang buah dan sayuran berskala kecil terus diberi sokongan infrastruktur untuk menjana pendapatan yang stabil kepada masyarakat tani. Bagi membantu petani, usaha perkongsian dengan syarikat peneraju akan diperkukuh untuk memastikan kualiti produk serta menjamin pembekalan berterusan di pasar raya. Sementara itu, usaha secara intensif diteruskan bagi menarik penyertaan yang lebih meluas dalam aktiviti pertanian yang bernilai tinggi termasuk pembiakan sarang burung walit, ikan hiasan, udang serta perusahaan rumpai laut, herba, rempah serta florikultur. Kolej Pertanian di Kubang Pasu, Kedah akan dinaik taraf bagi menyediakan perkhidmatan diagnostik, sementara Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan (CFFRC) akan dibangunkan di Semenyih, Selangor. CFFRC ditubuhkan untuk menjalankan penyelidikan ke atas spesies tumbuhan terbiar dan belum digunakan sepenuhnya termasuk tanaman bermusim dan kekal yang berpotensi sebagai makanan ruji, perubatan, tenaga bio dan bahan pembinaan. Hasil penyelidikan ini akan memberi manfaat kepada petani dan menjamin bekalan makanan negara. Perkhidmatan pertanian akan terus diperluas dan latihan kemahiran diperkukuh untuk meningkatkan kualiti serta memastikan kemampan aktiviti pertanian. Selain daripada itu, penyediaan infrastruktur asas dan aktiviti penjanaan pendapatan seperti pembiakan ternakan, penanaman buah dan sayuran serta ladang kontrak merupakan antara projek pembasmian kemiskinan di Sabah dan Sarawak.

Subsektor kemudahan awam, tenaga dan komunikasi meliputi 13.6% atau RM6.7 bilion daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2010: 11.3%; RM6 bilion). Peruntukan ini termasuk projek di bawah NKRA bagi menambah baik infrastruktur asas luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Sejumlah besar peruntukan juga disediakan bagi meningkatkan kualiti hidup di luar bandar termasuk estet di seluruh negara. Keutamaan diberi untuk menambah baik kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik tanpa gangguan, serta kemudahan telekomunikasi dan perkhidmatan pembetulan. Akses kepada kemudahan yang sama akan diperluas kepada golongan miskin bandar. Projek lain di bawah subsektor ini termasuk pembinaan kemudahan loji rawatan air, menaik taraf sistem saliran di bandar, program bagi mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil dan penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor. Pelaksanaan projek jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) akan dipercepat dan liputannya diperluas ke Lembah Klang dan koridor wilayah. Peruntukan juga disediakan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan meteorologi serta menambah baik Perkhidmatan Panggilan Kecemasan (999).

Membangun dan memupuk sekumpulan bakat tempatan yang mantap merupakan prasyarat ke arah mencapai negara maju berpendapatan tinggi. Sehubungan itu, pelaburan dalam pembangunan modal insan terus menjadi keutamaan. Kerajaan akan memastikan setiap kanak-kanak mendapat akses pendidikan yang berkualiti secara meluas di semua peringkat, dari pra-sekolah ke pengajian tinggi bagi merealisasikan potensi sedia ada. Penekanan juga diberikan kepada pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran. Oleh itu, sejumlah RM15.8 bilion (2010: RM20.8 bilion) diperuntukkan kepada sektor **perkhidmatan sosial** dengan subsektor pendidikan dan latihan menerima peruntukan terbesar sebanyak RM10.4 bilion atau 21% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2010: RM12 bilion; 22.8%). Peruntukan disediakan untuk peningkatan infrastruktur dan kemudahan, serta penyelenggaraan dan menaik taraf peralatan di universiti, politeknik, pusat latihan kemahiran, kolej komuniti dan kolej latihan perguruan. Penggunaan

kemudahan dan peralatan akan dioptimumkan bagi mendapatkan nilai yang setimpal.

Aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) juga akan dipergiatkan untuk meningkatkan martabat dan kedudukan di peringkat antarabangsa. Projek utama yang sedang dilaksanakan termasuk penaiktarafan dan pengembangan universiti, termasuk Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Sementara itu, keperluan industri akan dipenuhi melalui program latihan kemahiran intensif di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), politeknik, pusat latihan kemahiran dan kolej komuniti. Projek yang sedang dilaksanakan pada 2011, termasuk pembinaan politeknik di Mersing, Nilai, Muadzam Shah, Jeli, Banting, dan Sandakan sementara kelengkapan peralatan di institut latihan perindustrian di Pasir Gudang, Labuan dan Ipoh sedang disiapkan. Peruntukan yang besar juga disediakan untuk mengukuhkan pendidikan prasekolah (RM200 juta), pendidikan rendah (RM1.3 bilion) dan pendidikan menengah (RM2.4 bilion).

Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah ditubuhkan pada Januari 2011 dengan geran pelancaran sebanyak RM30 juta untuk menarik minat golongan profesional Malaysia yang bekerja di luar negara, menangani isu keperluan modal insan cemerlang untuk Program Transformasi Ekonomi (ETP), di samping memupuk dan mengekalkan tenaga kerja yang berkebolehan di dalam negara. Malaysia mengambil perhatian akan kepentingan untuk bersaing bagi mendapatkan modal insan terbaik dalam dunia globalisasi ini. Antara inisiatif strategik utama yang diambil termasuk menempatkan pelajar tajaan Kerajaan yang cemerlang dengan syarikat strategik tempatan, melaksanakan Pas Residen bagi memudahkan golongan ekspatriat memberi sumbangan kepada pembangunan negara serta menambah baik pakej insentif untuk profesional Malaysia kembali berkhidmat di dalam negara (*Returning Expert Programme*). Sementara itu, di bawah Skim Latihan 1Malaysia

(SL1M), kebolehpasaran siswazah sedang dipertingkatkan melalui program perantisan dan latihan amali dengan BNM, Khazanah dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Program latihan juga ditawarkan secara sambilan untuk meningkatkan kemahiran pekerja industri dalam bidang teknikal seperti mekanikal dan pengeluaran, elektrik dan elektronik (E&E), percetakan dan bukan logam serta ICT.

Peruntukan sebanyak RM918 juta untuk subsektor perumahan akan digunakan untuk membina rumah mampu milik bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah serta keperluan kuarters kakitangan awam, termasuk pasukan polis dan tentera. Sebanyak 14,910 unit Program Perumahan Rakyat (PPR) Disewa dan 522 unit PPR Dimiliki sedang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara. Projek perumahan baru yang dirancang untuk tahun 2011 di bawah RP1 termasuk pembinaan 1,250 unit PPR Disewa dan 4,420 unit PPR Dimiliki. Kadar sewa bulanan untuk PPR Disewa ialah RM124. PPR Dimiliki pula ditawarkan untuk isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan. Pelaksanaan PPR akan dipercepat dan projek terbengkalai dipulihkan bagi memenuhi permintaan rumah mampu milik.

Sehingga kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menawarkan sebanyak 63,941 unit PPR Disewa untuk disewa, dan 3,030 unit PPR Dimiliki untuk dijual. Program ini berjaya dilaksanakan dengan 81% daripada PPR Disewa telah diduduki manakala 96% PPR Dimiliki sudah dijual. Di samping itu, kira-kira 44,100 unit rumah kos rendah telah ditawarkan untuk dijual oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah dalam kalangan berpendapatan rendah. Pekerja estet juga berpeluang untuk memiliki rumah sendiri melalui Skim Pembiayaan Kos Rendah yang baru diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak RM50 juta yang diuruskan oleh Bank Simpanan Nasional. Di bawah skim ini, pekerja estet layak untuk mendapatkan pinjaman perumahan maksimum sehingga RM60,000 dengan tempoh bayaran balik maksimum 40 tahun pada kadar faedah 4%.

Subsektor kesihatan merupakan penerima kedua terbesar dalam sektor sosial dengan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion atau 4.5% (2010: RM3.8 bilion; 7.2%) daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Ini adalah untuk pengambilan balik tanah, pembinaan, penaiktarafan dan penyelenggaraan hospital dan klinik kesihatan, pembelian peralatan perubatan dan kesihatan serta memperkasakan sistem teknologi maklumat hospital dan latihan kemahiran. Projek utama yang sedang dalam pelaksanaan, termasuk pembinaan, penaiktarafan atau pembesaran hospital di Kuala Lumpur, Taiping, Seremban, Cheras, Kluang, Tampin, Kangar, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Tampoi, Rompin, dan Pusat Perubatan Sabah. Projek lain antaranya terdiri daripada pembinaan kolej kejururawatan, asrama dan kuarters untuk kakitangan perubatan. Bagi memastikan akses kepada kemudahan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti di bandar, 50 Klinik 1Malaysia akan dibuka di bawah RP1. Daripada jumlah ini, 27 Klinik 1Malaysia telah beroperasi pada hujung April 2011, menjadikan sejumlah 80 Klinik 1Malaysia telah ditubuhkan sejak Januari 2010. Sehingga kini, Klinik 1Malaysia telah menyediakan perkhidmatan kepada lebih 2.3 juta pesakit. Di bawah RP1, kerja awalan yang sedang dijalankan termasuk kerja-kerja tanah bagi beberapa hospital baru di Lawas dan Petra Jaya di Sarawak, Tuaran di Sabah dan Kuala Krai di Kelantan. Peruntukan yang besar juga disediakan bagi menambah baik kemudahan perkhidmatan penjagaan kesihatan, termasuk pembinaan klinik kesihatan dan pergigian serta penaiktarafan kemudahan kesihatan luar bandar di seluruh negara.

Di bawah sektor perkhidmatan sosial, peruntukan juga disediakan bagi menambah baik dan meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan pada peringkat kerajaan tempatan (RM1.2 bilion), pembangunan masyarakat dan desa (RM727 juta) serta kebajikan masyarakat (RM129 juta). Perbelanjaan ini termasuk pengurusan sisa pepejal, perkhidmatan bomba, perkhidmatan kebajikan warga emas dan miskin, penaiktarafan dan pembinaan taman dan kemudahan rekreasi serta pembersihan sungai dan tebatan banjir. Bagi meningkatkan taraf hidup golongan

miskin luar bandar, keutamaan akan diberikan kepada skim membaik pulih kampung dan program untuk menggalakkan pendidikan, latihan kemahiran dan aktiviti yang menjana pendapatan. Sebagai tambahan, projek 1Azam Niaga dan 1Azam Khidmat (RM60 juta) akan terus dilaksanakan. Program ini dirangka untuk mempromosikan perniagaan kecil, keusahawanan dan pembangunan kemahiran dalam kalangan golongan miskin.

Pendapatan benar bagi golongan miskin tegar di kawasan terpencil akan terus dipertingkatkan melalui Skim Program Lonjakan Mega (RM100 juta) di Sarawak (Batang Sadung, Batang Lupar, Pulau Bruit), Sabah (Pulau Banggi), Kedah (Sik) dan Pahang (Tanjung Gahai, Chemomoi). Satu projek agropolitan baharu akan dilaksanakan di Gana, Sabah dengan peruntukan sebanyak RM50 juta. Peruntukan juga disediakan untuk masyarakat orang asli bagi memastikan mereka terus mendapat manfaat daripada pembangunan melalui akses yang lebih baik kepada kemudahan awam dan aktiviti kemasyarakatan (RM3 juta). Isu penyelesaian hak tanah dan sempadan akan ditangani secara menyeluruh manakala Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah distruktur semula dan dimantapkan untuk menjadi lebih efektif. Peruntukan berjumlah RM166 juta juga disediakan kepada subsektor kebudayaan, belia dan sukan bagi projek berkaitan dengan Muzium Tekstil, Arkib Negara, Balai Seni Visual Negara serta program seni dan kraf lain bagi mempertingkatkan kemudahan belia, sukan dan rekreasi.

Perbelanjaan pembangunan bagi **sektor keselamatan** dianggarkan RM4.4 bilion atau 8.9% daripada perbelanjaan pembangunan (2010: RM4 bilion; 7.5%). Peruntukan ini digunakan bagi membina dan membaik pulih kemudahan sedia ada, membeli dan menaik taraf peralatan pengawasan serta membina kapasiti pasukan keselamatan (RM3.5 bilion). Sejumlah RM867 juta juga diperuntukkan kepada subsektor keselamatan dalam negeri bagi meningkatkan keselamatan awam dan menyediakan persekitaran perniagaan yang selamat. Peruntukan disediakan bagi memperkasakan pertahanan awam (RM3.5 bilion) melalui pembelian dan penaiktarafan

peralatan, serta meningkatkan kapasiti dan keupayaan anggota beruniform, dan menambah baik pengawasan dan penguatkuasaan maritim. Peruntukan juga disediakan untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan di Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Penjara di seluruh negara. Selain daripada itu, RM183 juta disediakan bagi memerangi jenayah jalanan di bawah NKRA untuk mengurangkan kadar jenayah. Program yang dilaksanakan untuk memastikan keselamatan dalam bandar termasuk menambah baik Rakan Cop, Skim Rondaan Secara Sukarela berasaskan komuniti di kawasan berisiko tinggi serta sistem Pemantauan Keselamatan Bandar yang menggunakan pemetaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk memantau kejadian jenayah dan menjalankan tugas dengan berkesan.

Pentadbiran awam diperuntukkan sebanyak RM957 juta (2010: RM1.9 bilion) untuk terus meningkatkan produktiviti dan kualiti sistem penyampaian sektor awam. Usaha bersepadu akan diberi penekanan bagi memastikan penjawat awam kekal kejut, efisien dan membantu menyokong aktiviti sektor swasta serta menangani isu-isu yang menjadi perhatian utama rakyat. Sehubungan dengan itu, proses kerja dan pertindihan fungsi agensi Kerajaan akan diperkemas manakala struktur organisasi ditambah baik. Langkah ini bertujuan supaya fungsi setiap agensi Kerajaan menjadi lebih jelas serta pelaksanaan dan pematuhan tugas lebih efektif. Selain daripada itu, Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) mengenai penyampaian sektor awam memberi penekanan supaya penjawat awam mengekalkan prestasi cemerlang yang dapat mempertingkatkan daya saing negara melalui amalan sumber manusia yang kreatif dan pendekatan organisasi yang bersepadu. Sehubungan dengan itu, keutamaan akan diberi untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan penjawat awam serta mengamalkan meritokrasi dalam perkhidmatan. Peruntukan juga disediakan bagi pelbagai projek ICT dan penaiktarafan sistem pengkomputeran di jabatan Kerajaan. Pembangunan penggunaan aplikasi e-Kerajaan yang baharu dan meluas serta aplikasi media bentuk baharu dalam penyampaian perkhidmatan awam akan dipertingkatkan. Peruntukan disediakan

untuk pengambilalihan tanah, bangunan dan kelengkapan serta pengubahsuaian, pemulihan dan penyelenggaraan kemudahan Kerajaan. Budaya penyelenggaraan dalam perkhidmatan awam akan diperkukuh bagi memastikan semua aset Kerajaan digunakan secara optimum serta menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat.

Pembiayaan

Pembiayaan daripada sumber domestik

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat dengan ketara pada tahun 2011 disebabkan terutamanya penebusan dan pembayaran balik pinjaman yang lebih tinggi dan keperluan pembiayaan defisit. Dengan kedudukan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan, Kerajaan akan terus meminjam daripada sumber domestik. Keperluan pembiayaan yang meningkat ini dijangka tidak akan menjejaskan pinjaman yang diperlukan oleh sektor swasta disebabkan paras tabungan negara yang tinggi. Sungguhpun jumlah hasil melebihi perbelanjaan mengurus, pinjaman masih perlu dibuat bagi membiayai perbelanjaan pembangunan.

Jumlah pinjaman kasar bagi tahun 2011 dijangka berjumlah RM96.6 bilion. Daripada jumlah ini, RM90.2 bilion atau 93.3% merupakan pinjaman dalam negeri manakala RM6.4 bilion adalah daripada sumber luar negara. Sebanyak RM51 bilion daripada jumlah pinjaman kasar akan digunakan untuk bayaran balik hutang sedia ada dan baki RM45.6 bilion bagi membiayai defisit.

Pada tahun 2011, RM54.2 bilion atau 60.1% daripada jumlah pinjaman dalam negeri akan diperolehi melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) manakala baki RM36 bilion merupakan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). Daripada jumlah keseluruhan terbitan SKM, RM24.5 bilion akan diperolehi melalui lima terbitan baharu, termasuk RM16.5 bilion melalui tender terbuka, manakala RM8 bilion melalui tawaran

JADUAL 4.5

Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2010 – 2011

| | RM juta | | Bahagian (%) | |
|-----------------------------------|---------------|-------------------|--------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ¹ | 2010 | 2011 ¹ |
| Pinjaman kasar | 64,994 | 96,639 | 100.0 | 100.0 |
| Dalam negeri | 60,499 | 90,200 | 93.1 | 93.3 |
| Terbitan Pelaburan | 23,399 | 36,000 | 36.0 | 37.3 |
| Sekuriti Kerajaan | 37,100 | 54,200 | 57.1 | 56.1 |
| Luar negara | 4,495 | 6,439 | 6.9 | 6.7 |
| Pinjaman pasaran | 4,047 | 5,961 | 6.2 | 6.2 |
| Pinjaman projek | 448 | 479 | 0.7 | 0.5 |
| Bayaran balik | 24,874 | 50,995 | 100.0 | 100.0 |
| Dalam negeri | 24,043 | 45,089 | 96.7 | 88.4 |
| Luar negara | 831 | 5,906 | 3.3 | 11.6 |
| Pinjaman bersih | 40,120 | 45,644 | | |
| Dalam negeri | 36,456 | 45,111 | | |
| Luar negara | 3,664 | 533 | | |
| Perubahan aset² | 3,155 | -133 | | |
| Jumlah | 43,275 | 45,511 | | |

¹ Anggaran.

² (+) bererti penggunaan harta.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

persendirian. Sementara itu, baki RM29.7 bilion akan diperolehi melalui terbitan semula lapan SKM sedia ada, termasuk RM2 bilion melalui tawaran persendirian. Bagi mengurangkan pertambahan jumlah penebusan SKM yang mendadak dalam tahun tertentu dan mempunyai implikasi ke atas pengurusan aliran tunai Kerajaan, tiga terbitan baru serta tiga terbitan semula dilaksanakan berasaskan tempoh penebusan yang lebih panjang iaitu 10, 15 dan 20 tahun. Langkah ini juga bertujuan untuk memenuhi permintaan industri ke atas terbitan hutang berdaulat yang berkualiti. Kadar kupon terbitan baharu SKM berasaskan jangka masa antara 10 dan 20 tahun ialah pada kadar antara 4.16% hingga 4.39% bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2011.

Sorotan Terbitan Sukuk Global Wakala Malaysia Dua Bahagian (*Dual Tranche*) USD2 Bilion

Jenis Tawaran:

- Sukuk Global lima tahun bernilai USD1.2 bilion yang matang pada 6 Julai 2016.
- Sukuk Global penanda aras 10 tahun bernilai USD800 juta yang matang pada 6 Julai 2021.

Sukuk ini merupakan yang pertama diterbitkan mengikut prinsip Syariah Wakala serta dilaksanakan melalui syarikat bertujuan khas (SPV) yang dikenali sebagai Wakala Global Sukuk Berhad dan disenaraikan di Bursa Hong Kong, Bursa Malaysia dan Pertukaran Kewangan Antarabangsa Labuan (FLX). Sukuk Global Wakala merupakan terbitan sukuk berdaulat dalam mata wang USD yang ketiga bagi Kerajaan Malaysia selepas terbitan Sukuk Ijara bagi tempoh matang lima tahun bernilai USD1.25 bilion pada tahun 2010 dan USD600 juta pada tahun 2002.

Struktur

Sukuk Global Wakala ini adalah berdasarkan prinsip syariah yang berinovatif dan terdiri daripada:

- Komponen aset nyata iaitu aset pajakan (28%) dan saham patuh syariah (24%);
- Komponen terimaan Murabaha (48%) daripada komoditi patuh syariah.

Antara aset asas yang dicagarkan termasuk beberapa kampus Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan sekolah di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya serta saham daripada pegangan ekuiti dalam IJN Holdings Sdn Bhd dan Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd.

Penarafan

Sukuk Global Wakala telah diberi penarafan kredit A3 (stabil) daripada Moody's dan A-(stabil) daripada Standard & Poor's.

Objektif Penerbitan Sukuk Global Wakala

- Memanfaatkan kos hutang dalam mata wang dolar Amerika Syarikat yang rendah;
- Memenuhi permintaan tertanggung terhadap produk patuh syariah yang berkualiti tinggi;
- Menjadikan Malaysia peneraju pasaran hutang Islam; dan
- Menjadi pelopor dalam menyediakan produk kewangan Islam yang inovatif.

Modus Operandi

Misi jelajah bertemu pelabur antarabangsa yang dijalankan oleh dua pasukan meliputi seluruh pusat kewangan global terbesar. Pasukan pertama meliputi Kuala Lumpur, Hong Kong dan Singapura

manakala pasukan kedua bertemu dengan pelabur berpotensi di Dubai, Abu Dhabi, Riyadh dan London. Sesi perjumpaan dengan pelabur Islam dan konvensional turut diadakan, termasuk secara berkumpulan, perseorangan serta persidangan melalui telefon yang melibatkan 128 pelabur daripada rantau utama dan antarabangsa. Pada 27 Jun 2011, kedua-dua pasukan mengadakan satu lagi perjumpaan dengan pelabur yang berpotensi di New York. Penetapan harga bagi Sukuk Global Wakala telah dimuktamadkan pada 28 Jun 2011 manakala tarikh penyelesaian pada 6 Julai 2011.

Pengagihan dan Profil Pelabur

Transaksi ini mencatatkan lebih langganan sebanyak 4.5 kali lebih tinggi, dengan berjaya menarik *final book order* bernilai USD5 bilion bagi sukuk lima tahun dan USD4 bilion untuk 10 tahun. Ini merupakan satu pencapaian yang besar memandangkan persekitaran pasaran yang tidak menentu disebabkan oleh krisis hutang Eropah serta kelembapan pasaran utama. Sukuk lima tahun yang bernilai USD1.2 bilion mempunyai kadar pulangan 2.991%, manakala USD800 juta bagi sukuk 10 tahun yang memberi kadar pulangan sebanyak 4.646%. Transaksi ini telah diagihkan kepada lebih 320 pelabur, dengan pelabur dari Timur Tengah merangkumi 43% daripada sukuk lima tahun manakala pelabur dari Eropah dan Amerika Syarikat merangkumi 36% daripada sukuk 10 tahun. Pelabur Malaysia yang turut berminat melanggan 26% bagi sukuk lima tahun dan 28% bagi sukuk 10 tahun. Walaubagaimanapun, profil pelabur sukuk dengan dua bahagian ini adalah sangat berbeza. Bank (57%) lebih cenderung memilih sukuk lima tahun, diikuti dengan institusi Kerajaan (24%), pengurus dana (17%) dan syarikat insurans (2%). Sebaliknya, pengurus dana (45%) menunjukkan minat terhadap sukuk 10 tahun dan diikuti oleh bank (28%), institusi Kerajaan (19%) dan syarikat insurans (8%).

Pencapaian

Penerbitan Sukuk Global Wakala dengan dua bahagian menunjukkan beberapa pencapaian 'pertama' Malaysia seperti berikut:

- Pertama dari segi penerbitan sukuk berdaulat global USD bagi tahun 2011;
- Pertama dari segi penerbitan sukuk berdaulat global USD yang berdasarkan struktur Wakala;
- Terbesar dari segi dua bahagian terbitan sukuk berdaulat global USD;
- Pertama dari segi penerbitan sukuk berdaulat global USD bertempoh matang 10 tahun yang merupakan penanda aras baru dalam pasaran modal Islam;
- Terbesar dari segi penerbitan sukuk dalam mata wang dolar Amerika Syarikat yang terkini oleh Kerajaan Malaysia;
- Terendah dari segi kos hutang sukuk berdaulat lima tahun yang pernah dicapai di Asia.

Kejayaan Malaysia menerbitkan sukuk di pasaran Kewangan Islam antarabangsa dalam persekitaran pasaran yang amat tidak menentu, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap kedudukan penarafan kredit dan asas-asas makroekonomi negara serta permintaan tinggi terhadap terbitan hutang berdaulat yang berkualiti dan instrumen kewangan yang selamat. Struktur Wakala yang bersandarkan pelbagai aset juga telah diterima dalam kalangan pelabur Timur Tengah yang lebih konservatif, sekaligus mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pelopor pasaran kewangan Islam di Asia.

Kerajaan juga dijangka menerbitkan TPK sebanyak RM36 bilion yang mengandungi tiga terbitan baharu berjumlah RM15.5 bilion. Daripada jumlah terbitan baru TPK, RM11 bilion akan diperoleh melalui tender terbuka, dan RM4.5 bilion melalui tawaran persendirian. Di samping itu, baki sebanyak RM20.5 bilion diperoleh daripada 5 tawaran semula, termasuk RM2.5 bilion melalui tawaran persendirian. Walaupun pasaran hutang berasaskan prinsip syariah kebiasaannya lebih cenderung kepada tempoh matang yang pendek, namun terdapat juga dua terbitan yang mempunyai tempoh matang 10 tahun pada tahun 2011 dan instrumen ini akan menjadi penyumbang penanda aras bagi pasaran hutang berdasarkan prinsip syariah.

Pada akhir Jun 2011, pemegang utama SKM dan TPK ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (33.4%), pelabur asing (25%), institusi perbankan (19.7%), dan syarikat insurans (6.5%). Usaha pelabur untuk mendapatkan kadar pulangan yang lebih tinggi dan instrumen hutang yang lebih selamat dengan keadaan lebih tunai dalam sistem kewangan global, diikuti pula dengan persekitaran yang tidak menentu, telah menyebabkan pemilikan asing SKM dan TPK meningkat daripada 11.4% pada akhir Disember 2008 kepada 25% pada akhir Jun 2011. Perkembangan ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap asas-asas makroekonomi negara yang kukuh dan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menggalakkan. Terbitan berkala sekuriti Kerajaan adalah penting bagi meningkatkan lagi pasaran modal domestik yang kini semakin meluas dan mempunyai mudah tunai yang tinggi.

Jumlah pinjaman kasar luar negara dijangka meningkat kepada RM6.4 bilion berikutan penerbitan USD2 bilion Sukuk Global Wakala dua bahagian pada Jun 2011. Sukuk yang mempunyai tempoh matang lima tahun berjumlah USD1.2 bilion mencatat kadar pulangan 2.991%, manakala sukuk bertempoh matang 10 tahun berjumlah USD800 juta mencatat kadar pulangan 4.646%. Pada tahun 2011, sejumlah RM479 juta dijangka diperoleh melalui pengeluaran daripada sumber pinjaman dua hala (RM400 juta) dan pelbagai hala (RM79 juta) bagi membiayai projek dan

program berkaitan pendidikan tinggi, penyelidikan dan latihan serta bekalan air.

Hutang

Hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus

Kerajaan Persekutuan akan memastikan paras hutang kekal terurus melalui penerapan dasar makroekonomi yang pragmatik dan strategi pengurusan hutang yang berhemat. Pada akhir Jun 2011, hutang negara kekal rendah pada 28.5% daripada KDNK (2010: 29.6%) manakala hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sedikit kepada 53.8% daripada KDNK (2010: 53.1%).

Pada tahun 2011, hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 11.9% kepada RM455.7 bilion (2010: 12.3%; RM407.1 bilion) disebabkan terutamanya oleh peningkatan pinjaman bagi memenuhi keperluan pembiayaan. Daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan, hutang dalam negeri adalah sebanyak 96.2% atau RM438.5 bilion (2010: 95.9%; RM390.4 bilion). Hutang luar Kerajaan Persekutuan yang sebahagian besarnya dalam mata wang dolar AS dan yen juga dijangka meningkat 3.2% kepada RM17.3 bilion (2010: 21.5%; RM16.7 bilion) berikutan kejayaan penerbitan USD2 bilion Sukuk Global Wakala dua bahagian. Walau bagaimanapun, hutang luar Kerajaan Persekutuan terus kekal rendah dan terurus pada kadar 3.8% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (2010: 4.1%).

Walaupun paras hutang telah meningkat dalam beberapa tahun yang lepas, kemampuan membayar balik hutang kekal kukuh dan berada dalam had yang berhemat. Kerajaan akan memastikan bahawa bayaran khidmat hutang kekal terurus pada kadar 10.1% daripada hasil (2010: 9.8%) dan tidak menjejaskan perbelanjaan ke atas program yang produktif. Sebagai sebahagian daripada peraturan fiskal yang perlu dipatuhi, hutang Kerajaan Persekutuan dihadkan pada

JADUAL 4.6

**Hutang Kerajaan Persekutuan
2010 – 2011**

| | RM juta | | Bahagian (%) | | KDNK (%) | |
|---------------------------------|----------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ¹ | 2010 | 2011 ¹ | 2010 | 2011 ¹ |
| Hutang dalam negeri | 390,356 | 438,467 | 95.9 | 96.2 | 51.0 | 51.7 |
| Bil Perbendaharaan | 4,320 | 4,320 | 1.1 | 0.9 | 0.6 | 0.5 |
| Terbitan Pelaburan ² | 88,643 | 117,034 | 21.8 | 25.7 | 11.6 | 13.8 |
| Sekuriti Kerajaan | 260,993 | 277,713 | 64.1 | 60.9 | 34.1 | 32.8 |
| Tabung Pinjaman Perumahan | 36,400 | 39,400 | 8.9 | 8.6 | 4.8 | 4.6 |
| Hutang luar negara | 16,745 | 17,278 | 4.1 | 3.8 | 2.2 | 2.0 |
| Pinjaman pasaran | 9,355 | 10,100 | 2.3 | 2.2 | 1.2 | 1.2 |
| Pinjaman projek | 7,390 | 7,177 | 1.8 | 1.6 | 1.0 | 0.8 |
| Jumlah | 407,101 | 455,745 | 100.0 | 100.0 | 53.1 | 53.8 |


¹ Anggaran.

² Termasuk bon simpanan berlandaskan Syariah pada tahun 2009 dan sukuk runcit 1Malaysia pada tahun 2010.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganapan.

CARTA 4.2

**Hutang Luar Negara Kerajaan Persekutuan
Mengikut Mata Wang**



¹ Anggaran disemak.

² Termasuk paun sterling dan euro.

Nota: Angka di dalam carta bar merupakan % daripada jumlah.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

55% daripada KDNK sementara bayaran khidmat hutang kekal di bawah 15% daripada hasil bagi memastikan hutang Kerajaan Persekutuan terus terkawal.

Hutang negara yang merangkumi hutang luar Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta meningkat kepada RM241.7 bilion pada akhir Jun 2011 (akhir 2010: RM227.1 bilion). Kedudukan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pinjaman bersih jangka pendek serta jangka sederhana dan panjang yang dilakukan oleh sektor swasta. Dari segi mata wang, sebahagian besar hutang negara terdiri daripada USD (66.1%), Yen (7.8%), Euro (4%) dan lain-lain (22.1%).

Hutang jangka sederhana dan panjang yang merangkumi 61.9% daripada jumlah hutang negara meningkat sedikit kepada RM149.5 bilion pada akhir Jun 2011 (akhir 2010: 65%; RM147.7 bilion). Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh pertambahan pinjaman oleh bank dan sektor swasta bukan perbankan, khususnya oleh syarikat dalam sektor E&E, perladangan dan industri pembinaan. Hutang sektor swasta meningkat kepada RM72 bilion (akhir 2010: RM64.3 bilion) pada separuh pertama tahun ini.

JADUAL 4.7

**Hutang Negara
2010 – 2011**

| | RM juta | | Bahagian (%) | | KDNK (%) | |
|--|----------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ¹ | 2010 | 2011 ¹ | 2010 | 2011 ¹ |
| Hutang jangka sederhana dan panjang | 147,661 | 149,499 | 65.0 | 61.9 | 19.3 | 17.6 |
| Sektor awam | 83,334 | 77,533 | 36.7 | 32.1 | 10.9 | 9.2 |
| Kerajaan Persekutuan | 16,745 | 16,166 | 7.4 | 6.7 | 2.2 | 1.9 |
| PABK | 66,589 | 61,367 | 29.3 | 25.4 | 8.7 | 7.2 |
| Dijamin | 11,824 | 11,157 | 5.2 | 4.6 | 1.5 | 1.3 |
| Tidak dijamin | 54,765 | 50,210 | 24.1 | 20.8 | 7.1 | 5.9 |
| Sektor swasta | 64,327 | 71,966 | 28.3 | 29.8 | 8.4 | 8.5 |
| Hutang jangka pendek | 79,447 | 92,191 | 35.0 | 38.1 | 10.4 | 10.9 |
| Jumlah | 227,108 | 241,689 | 100.0 | 100.0 | 29.6 | 28.5 |

¹ Akhir Jun 2011.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sebaliknya, hutang luar PABK menurun kepada RM61.4 bilion (akhir 2010: RM66.6 bilion) disebabkan bayaran balik bersih oleh syarikat, khususnya dalam subsektor utiliti, kewangan, insurans dan pengangkutan. Walau bagaimanapun, hutang luar Kerajaan Persekutuan kekal stabil pada RM16.2 bilion (akhir 2010: RM16.7 bilion). PABK menyumbang 41% kepada hutang jangka sederhana dan panjang, manakala sektor swasta sebanyak 48.1% dan Kerajaan Persekutuan sebanyak 10.8%.

Hutang luar jangka pendek meningkat dengan ketara sebanyak 16% kepada RM92.2 bilion (akhir 2010: 2.7%; RM79.4 bilion) disebabkan terutamanya oleh pinjaman antara bank yang tinggi. Pada masa yang sama, sektor swasta bukan perbankan juga mencatatkan peningkatan hutang yang sederhana kepada RM10.8 bilion (akhir 2010: RM9.6 bilion) disebabkan pinjaman bersih oleh syarikat dalam subsektor E&E, kewangan dan perdagangan pengedaran. Walau bagaimanapun, hutang PABK menurun dengan ketara kepada RM306 juta (akhir 2010: RM1.9 bilion) berikutan aktiviti penyahlaburan saham. Sektor perbankan kekal sebagai pemilik utama hutang jangka pendek sebanyak RM81.1 bilion atau 88% daripada jumlah keseluruhan hutang

(akhir 2010: RM68 bilion; 85.6%). Hutang sektor swasta bukan perbankan berjumlah RM10.8 bilion dan PABK sebanyak RM306 juta (akhir 2010: RM9.6 bilion dan RM1.9 bilion). Pada akhir Jun 2011, nisbah khidmat hutang luar ialah 9.2%, mencerminkan pendapatan eksport yang kukuh untuk menampung tanggungan khidmat hutang luar, manakala rizab antarabangsa yang berjumlah RM406.3 bilion mencukupi untuk membiayai 4.5 kali hutang luar jangka pendek.

Kerajaan Negeri

Lebih keseluruhan mengecil

Dalam persekitaran ekonomi negara yang terus berkembang, perbelanjaan kerajaan negeri dijangka lebih tinggi untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan jurang antara bandar dan luar bandar serta menarik lebih banyak pelaburan bagi merangsang kegiatan ekonomi. Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dijangka mencatatkan lebihan semasa yang lebih rendah berjumlah RM9.4 bilion pada tahun 2011 (2010: RM12.4 bilion) disebabkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi dan kemerosotan hasil yang ketara. Walaupun terdapat peningkatan dalam perbelanjaan

JADUAL 4.8

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2010 – 2011

| | RM juta | | Perubahan (%) | |
|---------------------------------|--------------|-------------------|---------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ¹ | 2010 | 2011 ¹ |
| Akaun Semasa | | | | |
| Hasil | 21,362 | 18,864 | 40.2 | -11.7 |
| Perbelanjaan mengurus | 8,947 | 9,513 | 11.2 | 6.3 |
| Baki akaun semasa | 12,415 | 9,351 | | |
| Akaun Pembangunan | | | | |
| Perbelanjaan pembangunan kasar | 6,834 | 7,978 | -1.2 | 16.7 |
| Kumpulan wang pembangunan | 6,581 | 7,748 | 0.5 | 17.7 |
| Kumpulan wang bekalan air | 253 | 230 | -30.4 | -8.9 |
| Tolak: Terimaan balik pinjaman | 484 | 233 | | |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 6,350 | 7,746 | -4.1 | 22.0 |
| Baki keseluruhan | 6,065 | 1,605 | | |
| % kepada KDNK | 0.8 | 0.2 | | |

¹ Anggaran disemak.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

pembangunan, kedudukan kewangan kerajaan negeri secara keseluruhan dijangka kekal positif mencatatkan lebih kecil berjumlah RM1.6 bilion (2010: RM6.1 bilion).

Jumlah hasil negeri merangkumi cukai langsung dan tidak langsung (17.2%), hasil bukan cukai (46.7%) serta terimaan bukan hasil (36.1%) yang sebahagian besarnya terdiri daripada geran dan bayaran balik oleh Kerajaan Persekutuan. Jumlah hasil dijangka menguncup 11.7% kepada RM18.9 bilion (2010: 40.2%; RM21.4 bilion) disebabkan terutamanya oleh kemerosotan pulangan atas pelaburan dan kutipan premium tanah. Walau bagaimanapun, hasil terimaan daripada royalti dijangka meningkat 25.9% berikutan kenaikan harga minyak mentah yang menggalakkan. Royalti daripada petroleum dan perhutanan serta terimaan daripada pendapatan pelaburan, cukai berasaskan tanah dan premium tanah merupakan sumber utama hasil negeri, merangkumi 47.4% (2010: 45.8%) daripada jumlah hasil. Sumbangan daripada cukai berasaskan tanah, termasuk terimaan

daripada cukai tanah, juga dijangka meningkat 12.6% kepada RM1.8 bilion (2010: 8.5%; RM1.6 bilion). Geran dan pembayaran balik daripada Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM2.2 bilion (2010: RM3.7 bilion), terutamanya untuk membiayai projek infrastruktur dan sosial serta kemudahan awam. Sumber hasil lain termasuk fi lesen dan permit, sewaan, terimaan daripada penyediaan barangan dan perkhidmatan serta denda dan penalti. Sementara itu, Sabah dan Sarawak juga akan memperoleh hasil tambahan daripada cukai jualan ke atas CPO berjumlah RM1.1 bilion.

Jumlah perbelanjaan dijangka meningkat 10.8% kepada RM17.5 bilion (2010: 5.5%; RM15.8 bilion). Perbelanjaan mengurus yang merangkumi 54.4% daripada jumlah perbelanjaan dianggarkan meningkat 6.3% kepada RM9.5 bilion (2010: 56.7%; 11.2%; RM8.9 bilion) manakala perbelanjaan pembangunan bertambah dengan ketara sebanyak 16.7% kepada RM8 bilion (2010: -1.2%; RM6.8 bilion). Emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta pembelian aset merupakan komponen terbesar dalam perbelanjaan mengurus yang mencakupi 67.8% (2010: 69.5%). Perbelanjaan pembangunan akan dimanfaatkan untuk projek pertanian dan pembangunan luar bandar, kemudahan awam, pengangkutan, perumahan, bekalan air serta pengairan dan saliran. Keutamaan akan diberikan untuk penaiktarafan serta pembinaan infrastruktur fizikal bagi menggalakkan kegiatan komersial dan perindustrian pada peringkat negeri.

Sektor Kerajaan

Defisit lebih tinggi

Kedudukan kewangan sektor Kerajaan disatukan terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun dijangka merekodkan defisit lebih tinggi 5.5% kepada KDNK pada tahun 2011 (2010: -4.3%). Kedudukan ini disebabkan kenaikan perbelanjaan keseluruhan yang lebih tinggi berbanding peningkatan terimaan hasil. Sementara itu, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM13.4 bilion (2010: RM12.4 bilion) kepada badan

JADUAL 4.9

Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan 2010 – 2012

| | RM juta | | | Perubahan (%) | | |
|--------------------------|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² |
| Akaun semasa | | | | | | |
| Hasil | 189,838 | 210,395 | 213,526 | 3.1 | 10.8 | 1.5 |
| Perbelanjaan mengurus | 167,653 | 196,326 | 196,872 | -2.0 | 17.1 | 0.3 |
| Baki akaun semasa | 22,185 | 14,069 | 16,655 | | | |
| Perbelanjaan pembangunan | 55,415 | 60,990 | 60,014 | -2.5 | 10.1 | -1.6 |
| Baki keseluruhan | -33,230 | -46,921 | -43,360 | | | |
| % kepada KDNK | -4.3 | -5.5 | -4.7 | | | |

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Belanjawan, tidak termasuk perubahan cukai 2012.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

berkanun dan RM5.5 bilion kepada kerajaan negeri (2010: RM4.7 bilion) dalam bentuk geran dan pindahan di bawah perbelanjaan mengurus.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Perbelanjaan pembangunan lebih tinggi

Kedudukan kewangan PABK disatukan dijangka mencatat defisit sebanyak RM44.6 bilion pada tahun 2011 (2010: RM17.4 bilion) selari dengan persekitaran perniagaan yang tidak menentu, mencabar dan berdaya saing. Defisit keseluruhan disebabkan komitmen perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi dan jangkaan penurunan hasil disatukan walaupun kos operasi lebih rendah.

Hasil PABK disatukan dijangka menguncup 16.5% kepada RM307.4 bilion pada tahun 2011 (2010: 13.9%; RM368.2 bilion) walaupun harga komoditi, jualan elektrik dan kenderaan lebih tinggi, pertumbuhan kukuh dalam aktiviti telekomunikasi dan pembinaan serta peningkatan pulangan daripada operasi dan pelaburan di luar negara. Pengembangan berterusan dalam aktiviti yang berkaitan perjalanan dan perdagangan serta kenaikan tarif elektrik dijangka memberi kesan positif kepada hasil. Walau bagaimanapun,

hasil PABK disatukan adalah lebih rendah, disebabkan sebahagian besarnya oleh perubahan tahun kewangan PETRONAS daripada 1 April hingga 31 Mac kepada Januari - Disember bermula tahun 2012. Sehubungan dengan itu, sebagai tahun peralihan, data kewangan bagi tahun 2011 merujuk tempoh sembilan bulan daripada April 2011 hingga Disember 2011. Walaupun terdapat pelarasan tahun kewangan, PETRONAS kekal sebagai penyumbang utama hasil disatukan, diikuti oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), Axiata Group Berhad (Axiata), Malaysia Airlines System Berhad (MAS), UEM Group Berhad (UEM), Proton Holdings Berhad dan Telekom Malaysia Berhad (TM). Perbelanjaan semasa juga dijangka menurun 8.8% kepada RM274.8 bilion (2010: 9.5%; RM301.4 bilion) disebabkan oleh pengurangan bil import dan bayaran khidmat hutang yang rendah berpunca daripada pengukuhan ringgit serta peningkatan kecekapan operasi hasil daripada usaha berterusan mengurangkan kos dan menyelaraskan operasi. Dengan jangkaan penurunan hasil disatukan lebih besar berbanding penurunan perbelanjaan mengurus, PABK dianggar mencatat lebihan semasa yang lebih rendah sebanyak RM32.7 bilion (2010: RM66.8 bilion). Perbelanjaan pembangunan PABK dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 56.6% kepada RM77.3 bilion (2010: -11.4%; RM49.3 bilion)

JADUAL 4.10

**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
2010 – 2011**

| | RM juta | | Perubahan (%) | |
|----------------------------|---------------|-------------------|---------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ² | 2010 | 2011 ² |
| Hasil | 368,208 | 307,440 | 13.9 | -16.5 |
| Perbelanjaan semasa | 301,429 | 274,774 | 9.5 | -8.8 |
| Lebihan semasa | 66,779 | 32,666 | | |
| Perbelanjaan pembangunan | 49,342 | 77,251 | -11.4 | 56.6 |
| Lebihan keseluruhan | 17,437 | -44,585 | | |
| % kepada KDNK | 2.3 | -5.3 | | |

¹ Merujuk kepada 30 PABK utama.

² Anggaran disemak.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganapan.

didorong oleh keperluan untuk mengukuhkan pendapatan masa depan, memanfaatkan peluang pelaburan serta menjana nilai yang lebih kukuh bagi pemegang saham. Kebanyakan pelaburan dalam negeri dan luar negara adalah untuk menambah keupayaan, menaik taraf dan membaik pulih kemudahan sedia ada, menambah baik penyampaian perkhidmatan dan produk serta membuat pelaburan baru dalam sektor utama. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan dijangka disalurkan dalam industri minyak dan gas, telekomunikasi, penjana kuasa, penghantaran dan penjana, pengangkutan awam, peladangan, perbandaran dan pembangunan infrastruktur termasuk kemudahan lapangan terbang, perumahan, jalan dan jambatan. Pelaburan dalam negeri mencatat 61.3% atau RM46.1 bilion daripada jumlah keseluruhan (2010: 67.1%; RM35.9 bilion) termasuk usaha cari gali dan pembangunan telaga minyak dan gas, memajukan semula medan minyak yang marginal, peluasan liputan rangkaian HSBB, penaiktarafan infrastruktur data telekomunikasi, penyambungan LRT Kelana Jaya dan Ampang, pembelian enjin dan gerabak

kereta api serta pembangunan harta tanah di Iskandar Malaysia.

Meskipun menghadapi persekitaran operasi yang mencabar dan ketidaktentuan global, PABK dijangka terus berdaya tahan, berdaya saing dan menunjukkan prestasi yang baik, diperkukuh oleh program transformasi GLC yang sedang dilaksanakan. PABK memainkan peranan yang penting dalam ekonomi melalui pelibatan dalam pembentukan modal, pewujudan peluang pekerjaan dan pembangunan kemahiran serta pelaksanaan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam bidang pendidikan, kesihatan, sukan, alam sekitar dan kerja kebajikan lain. PABK juga menyokong kegiatan pelaburan berkaitan keselamatan negara dan pembangunan dalam bidang khusus yang penting bagi kemajuan teknologi serta melakukan pelaburan yang memerlukan dana besar dan tempoh matang yang panjang. Selaras dengan agenda Kerajaan untuk menjana penciptaan nilai yang lebih besar dan mudah tunai dalam pasaran modal serta menyediakan peluang pelaburan bagi sektor swasta, PABK akan terus mengurangkan pegangan dalam aset bukan teras dan tidak kompetitif tanpa menjejaskan pulangan yang maksimum.

Sektor Awam Disatukan

Perbelanjaan pembangunan lebih tinggi

Kedudukan kewangan sektor awam disatukan terdiri daripada akaun sektor Kerajaan dan PABK selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih. Pada tahun 2011, kedudukan kewangan ini dijangka mencatat lebihan semasa yang lebih kecil sebanyak RM46.7 bilion (2010: RM88.6 bilion) berikutan penurunan yang ketara sebanyak 37.9% dalam lebihan semasa PABK. Ini berikutan kenaikan yang ketara dalam perbelanjaan pembangunan PABK. Kedudukan kewangan sektor awam disatukan dijangka mencatat defisit keseluruhan berjumlah RM91.5 bilion atau 10.8% daripada KDNK (2010: -RM15.8 bilion; -2.1%).

JADUAL 4.11

**Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan
2010 – 2012**

| | RM juta | | | Perubahan (%) | | |
|--------------------------------|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|
| | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² | 2010 | 2011 ¹ | 2012 ² |
| Hasil | 131,341 | 162,889 | 161,164 | -1.2 | 24.0 | -1.1 |
| Perbelanjaan mengurus | 167,180 | 193,501 | 196,291 | -2.0 | 15.7 | 1.4 |
| Lebihan semasa PABK | 124,439 | 77,287 | 121,140 | | | |
| Baki semasa sektor awam | 88,600 | 46,675 | 86,013 | | | |
| Perbelanjaan pembangunan | 104,410 | 138,209 | 161,513 | -6.9 | 32.4 | 16.9 |
| Sektor kerajaan | 55,068 | 60,958 | 59,942 | -2.5 | 10.7 | -1.7 |
| PABK | 49,342 | 77,251 | 101,571 | -11.4 | 56.6 | 31.5 |
| Baki keseluruhan | -15,810 | -91,535 | -75,500 | | | |
| % kepada KDNK | -2.1 | -10.8 | -8.2 | | | |

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Belanjawan, tidak termasuk perubahan cukai 2012.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganapan.

Prospek 2012

Defisit ketara lebih rendah

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dipengaruhi oleh perkembangan luar dan dalam negara. Keadaan ekonomi negara maju kekal tidak menentu dibelenggu oleh pertumbuhan ekonomi yang lemah, kadar pengangguran yang terus tinggi dan isu hutang berdaulat yang berlarutan, sementara ekonomi membangun berkembang pesat dijangka mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan. Mengambil kira perkembangan ini, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 5% hingga 6% pada 2012.

Dasar fiskal negara bagi tahun 2012 akan kekal berhemat dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012 dijangka stabil sebanyak RM230.8 bilion. Seajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi, prestasi PABK dan GLC lain yang lebih baik serta kutipan cukai lebih tinggi, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada RM186.9 bilion. Keadaan ini memberi kekuatan

kepada Kerajaan terus memperteguh kedudukan fiskal. Oleh yang demikian, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dianggarkan berkurangan ketara kepada 4.7% daripada KDNK pada 2012.

Belanjawan 2012 akan memperhebat usaha meningkatkan daya saing ekonomi negara melalui pelaksanaan inisiatif pembaharuan dan menggalakkan pertumbuhan yang inklusif dan mampan. Bagi tujuan ini, sejumlah besar peruntukan disediakan untuk program di bawah NKRA (RM7.4 bilion), NKEA (RM4 bilion) dan SRI (RM121.5 juta) yang merupakan langkah penting untuk menggerakkan Malaysia ke arah negara maju berpendapatan tinggi. Dalam persekitaran luar yang mencabar dan tekanan inflasi, terdapat tambahan sumber fiskal yang perlu disediakan untuk memastikan ekonomi domestik kekal kukuh dan mampu menjana pertumbuhan yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu, Belanjawan 2012 akan melaksanakan program dan projek yang mampu bertindak secara berkesan bagi menangani isu peningkatan kos sara hidup, menjamin kesejahteraan rakyat, merangsang pertumbuhan ekonomi luar bandar serta mempercepat pelaburan swasta. Aktiviti inovasi akan digalakkan sebagai

sebahagian daripada budaya intrinsik rakyat manakala pelaburan pembangunan sumber manusia berkualiti akan terus diperkukuh. Perkhidmatan awam akan dimantapkan lagi melalui pembaharuan komprehensif yang sedang dilaksanakan supaya menjadi lebih kejut, cergas dan responsif. Usaha gigih ini akan meningkatkan peranan Kerajaan sebagai penyedia persekitaran yang kondusif untuk sektor swasta menerajui pertumbuhan ekonomi.

Perbelanjaan mengurus dijangka kekal stabil dan berkembang perlahan 0.7% kepada RM181.6 bilion selaras dengan usaha untuk memastikan sasaran fiskal bagi tahun 2012 tercapai. Daripada jumlah ini, peruntukan untuk inisiatif pembaharuan di bawah NKRA (RM963 juta), NKEA (RM563.8 juta) dan SRI (RM80 juta) keseluruhannya berjumlah RM1.6 bilion. Peruntukan yang lebih tinggi akan disediakan bagi menampung **emolumen** sebanyak RM52 bilion sejajar dengan penambahbaikan skim saraan di bawah pembaharuan perkhidmatan awam berkuat kuasa 1 Januari 2012. Keupayaan perkhidmatan awam akan diperkukuh bagi memenuhi tuntutan tanggungjawab yang sentiasa berubah dalam persekitaran kerja yang semakin mencabar. Di samping itu, **bayaran khidmat hutang** (RM20.5 bilion), **bekalan dan perkhidmatan** (RM30.5 bilion) dan **geran kepada badan berkanun** (RM14.5 bilion) disediakan peruntukan yang lebih tinggi sejajar dengan komitmen yang meningkat.

Sementara itu, bayaran **subsidi** yang meliputi pelbagai subsidi (RM22.5 bilion), insentif (RM854 juta) dan program bantuan sosial (RM9.8 bilion) dijangka kekal stabil pada RM33.2 bilion. Walau bagaimanapun, perbelanjaan subsidi bahan api akan disediakan peruntukan yang lebih tinggi pada RM17 bilion atau 9.4% daripada perbelanjaan mengurus selari dengan jangkaan harga minyak mentah yang kekal tinggi. **Geran dan pindahan kepada kerajaan negeri** pula diunjurkan kekal terurus pada RM5.8 bilion manakala peruntukan bagi **perolehan aset** (RM1.1 bilion) dijangka menurun sejajar dengan langkah penjimatan untuk mengawal perbelanjaan tanpa menjejaskan produktiviti atau kualiti perkhidmatan yang disediakan.

Perbelanjaan pembangunan akan diperuntukkan dengan jumlah yang lebih kecil sebanyak RM49.2 bilion atau 21.3% daripada jumlah perbelanjaan. Peruntukan ini termasuk pembiayaan program dan projek di bawah RP2 serta inisiatif transformasi di bawah NKRA (RM6.4 bilion), NKEA (RM3.5 bilion) dan SRI (RM41.5 juta). Sejumlah RM662 juta juga disediakan antara lain bagi menyelesaikan bayaran akhir projek di bawah RMKe-9.

Sejajar dengan keutamaan dalam Belanjawan 2012, peruntukan turut disediakan untuk NKRA infrastruktur asas luar bandar (RM5.1 bilion) dan pengangkutan awam bandar (RM1 bilion), melibatkan 95.4% daripada jumlah keseluruhan peruntukan NKRA bagi tahun 2012. Bagi NKEA, bidang pertumbuhan utama yang dikenal pasti termasuk Greater KL (Lembah Klang) (RM1.5 bilion), pertanian (RM552.8 juta), minyak sawit (RM472.3 juta), pendidikan (RM233 juta), E&E (RM208 juta) serta minyak, gas dan tenaga (RM205.4 juta). Di bawah SRI, peruntukan disediakan untuk program berkaitan dengan pembangunan modal insan (RM17.9 juta), kewangan awam (RM12.5 juta), piawaian antarabangsa dan liberalisasi (RM5.6 juta) serta penyampaian perkhidmatan awam (RM5.5 juta). SRI pada dasarnya merupakan polisi menyeluruh yang dilaksanakan secara konsisten dan holistik bagi membolehkan Malaysia keluar daripada perangkap pendapatan sederhana.

Sektor **perkhidmatan ekonomi** diperuntukkan RM29.8 bilion atau 60.5% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan pada tahun 2012. Peruntukan ini terutamanya untuk membangunkan pengangkutan awam dan infrastruktur (RM10 bilion), menaik taraf dan meningkatkan akses kepada kemudahan awam (RM5.8 bilion), membina keupayaan perdagangan dan industri (RM5.1 bilion) serta meningkatkan produktiviti pertanian dan mempercepatkan pembangunan luar bandar (RM1.9 bilion).

Belanjawan 2012 mengukuhkan lagi kepentingan untuk meningkatkan potensi pertumbuhan jangka panjang ekonomi, antara lain, melalui pembangunan infrastruktur dan penambahbaikan pengangkutan awam. Bagi tujuan ini, peruntukan

yang besar disediakan untuk membina, membaik pulih dan menaik taraf kemudahan rel di bawah seliaan KTMB. Projek utama termasuk pembinaan tiga landasan berkembar elektrik dan pengembangan kapasiti perkhidmatan KTM Komuter. Bagi mengurangkan kesesakan penggunaan komuter, 38 set kereta api enam koc Electric Multiple Unit (EMU) yang dijadualkan tiba secara berperingkat antara September 2011 dan Jun 2012. Daripada jumlah ini empat set EMU dijangka beroperasi pada Disember 2011. Trafik ke Kuala Lumpur akan dialihkan dengan pembinaan Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) kedua di Gombak bagi perjalanan bas ke pantai timur. Peruntukan juga akan diberi bagi pembinaan, penaiktarafan dan penyelenggaraan jalan raya, jambatan, pelabuhan, lapangan terbang serta pelaksanaan projek MRT. Perkhidmatan pengangkutan awam, kemudahan dan perhubungan akan terus ditambah baik, sementara kemampuan dan keupayaan penguatkuasaan pihak berkuasa yang berkenaan diperkukuh. Bagi meningkatkan akses dan merangsang aktiviti ekonomi, sebanyak RM6.9 bilion akan diberikan bagi pembinaan jalan raya dan jambatan di kawasan bandar dan luar bandar, termasuk Sabah dan Sarawak. Pembinaan infrastruktur fizikal di selatan Johor juga akan dipercepat untuk menarik pelaburan ke Iskandar Malaysia.

Subsektor kemudahan awam, tenaga dan perhubungan dijangka membelanjakan RM6.4 bilion untuk projek bekalan air, elektrik dan pembetulan. Akses kepada kemudahan awam di kawasan luar bandar, termasuk Sabah dan Sarawak akan ditambah baik melalui peruntukan yang besar berjumlah RM3.1 bilion. Kecekapan dan produktiviti perniagaan akan terus dipertingkatkan dengan projek HSBB yang sedang dalam pelaksanaan diperluaskan ke bandar serta kawasan perindustrian dan pertumbuhan tinggi (RM397 juta).

Dalam persekitaran luar yang mencabar, subsektor perdagangan dan industri akan menerima peruntukan besar sebanyak RM5.1 bilion bagi memenuhi keperluan untuk merancang lagi ekonomi domestik sebagai pemacu pertumbuhan. Insentif akan disediakan untuk menarik pelaburan

domestik yang berkualiti dalam industri berintensifkan modal, berteknologi tinggi serta berasaskan pengetahuan dan kreativiti. Sektor tertentu juga telah dikenal pasti untuk menerima bantuan Kerajaan, termasuk industri halal, tenaga hijau, bioteknologi, elektronik termaju, farmaseutikal dan peralatan perubatan serta kejuruteraan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO). Bagi tujuan ini, dana akan diperuntukkan untuk mengembangkan kapasiti dan keupayaan dalam industri serta mempromosi pembangunan keusahawanan dan kemahiran. Kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian akan dinaik taraf bagi merencanakan pelaburan. Selain daripada itu, akses kepada dana untuk pengambilalihan dan pengkomersialan teknologi serta R&D dalam sektor yang digalakkan akan disediakan.

Peruntukan juga disediakan bagi membangunkan taman halal dan mempelbagaikan produk halal. Jenama dan logo halal Malaysia akan diperkukuh untuk membolehkannya diiktiraf dengan pantas sebagai penanda aras standard global bagi produk Islam. SME akan terus diberi bantuan teknikal dan kewangan yang komprehensif untuk menjadikannya sebahagian daripada rantaian bekalan global. Kerajaan juga akan menyokong beberapa projek di bawah sektor E&E NKEA (RM208 juta). Ini termasuk menempatkan semula kilang fabrikasi wafer berteknologi khusus dan matang ke Kedah, Pulau Pinang, Sarawak dan Kuala Lumpur serta penaiktarafan kemudahan untuk menyokong pembuatan komponen teras solar dan substrat dalam industri solar dan semikonduktor di Sarawak, Melaka, Kedah dan Pulau Pinang. Inisiatif lain termasuk memperkukuh kemudahan makmal untuk ujian dan persijilan serta perkhidmatan yang menyokong industri Diod Pemancar Ringan (LED) dan mempertingkatkan kemampuan peneraju tempatan solid state lighting (SSL) di Pulau Pinang, Kedah dan Melaka.

Pembangunan lima koridor akan dipercepat (RM670 juta) dengan penekanan kepada penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam, penambahbaikan sistem pengairan dan saliran serta penaiktarafan kemudahan berkaitan pelancongan dan infrastruktur pertanian. Masyarakat setempat akan mendapat manfaat

dari segi peluang pekerjaan dan kemahiran keusahawanan yang diperoleh daripada limpahan perniagaan berikutan potensi pelaburan yang meluas dalam projek koridor. Dalam SCORE, kerja-kerja pembinaan akan dipercepat bagi jalan akses ke Murum, Nanga Merit, Baram, Baleh, Tunoh dan Limbang serta Taman Perindustrian Samalaju dan Lapangan Terbang Mukah yang baharu. Kompleks Akuakultur Koridor Utara yang melibatkan pembangunan 500 kolam udang putih dan sebuah loji pemprosesan di Selinsing (Perak) dijangka mula beroperasi pada awal 2012. Sementara itu, di ECER, Taman Penanaman Herba yang melibatkan penanaman herba dan rempah di Chegar Perah (Pahang) dan Pasir Raja (Terengganu) sedang dalam pelaksanaan.

Selaras dengan kepentingan sektor perkhidmatan yang kian meningkat kepada pertumbuhan ekonomi, subsektor pelancongan diberi peruntukan RM363 juta untuk memajukan lagi industri berkenaan. Antara aktiviti yang dimajukan termasuk menaiktaraf kemudahan berkaitan pelancongan, memperkukuh program ekopelancongan dan menambah baik program inap desa sementara usaha dipergiat untuk mempelbagai produk pelancongan. Ketibaan pelancong akan ditingkatkan melalui produk pelancongan khusus seperti pelancongan spa, seni dan sukan serta menjadikan Malaysia selaku tuan rumah acara antarabangsa untuk memartabatkan lagi kedudukan negara dalam industri pelancongan. Peruntukan juga disediakan untuk merancakkan semula Pulau Langkawi sebagai destinasi pilihan pelancong yang menarik (RM111 juta). Pada tahun 2012, sebanyak 26 juta pelancong akan mengunjungi Malaysia.

Sejumlah RM1.9 bilion akan diperuntukkan untuk mencergaskan lagi subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar bagi meningkatkan produktiviti dan menjana pulangan yang lebih tinggi serta membangunkan sumber baharu pertumbuhan ekonomi dan pelaburan. Sumbangan sektor pertanian yang cergas dan menyeluruh akan meningkatkan lagi daya tahan ekonomi domestik. Dengan itu, projek di bawah NKEA Pertanian (RM552.8 juta) akan merangsang pelaburan dalam bidang penternakan burung walit, penanaman rumpai laut, penternakan ikan dalam sangkar bersepadu dan pengeluaran produk herba bernilai tinggi. Projek-projek lain yang digalakkan termasuk meningkatkan

produktiviti pertanian padi di MADA dan jelapang lain, peladangan tenusu, integrasi lembu dalam kelapa sawit serta membangunkan pasaran premium untuk buah dan sayuran. Selain daripada itu, zon industri akuakultur bersepadu akan direplikasikan untuk meningkatkan pengeluaran akuakultur. Sehubungan dengan ini, projek yang sedang dilaksanakan di Pulau Permatang Pauh (Pahang), Setiu (Terengganu), Selinsing (Perak), Desaru (Johor), Pitas dan Tawau (Sabah) dijangka siap secara berperingkat menjelang 2016. Perkhidmatan sokongan pertanian akan dipertingkatkan bagi memastikan program dan projek dapat dilaksanakan secara berterusan. Dana yang mencukupi juga akan disediakan untuk projek pengairan dan saliran, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, program pembasmian kemiskinan akan ditambah baik dan menepati golongan sasaran supaya hasil pertumbuhan dan pembangunan negara dinikmati dengan lebih saksama. Projek untuk menaik taraf masyarakat pertanian luar bandar akan memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan sikap lebih berdikari dan memupuk semangat keusahawanan.

Sektor **perkhidmatan sosial** diperuntukkan RM13.6 bilion dengan subsektor pendidikan dan latihan menerima peruntukan terbesar sebanyak RM8.5 bilion. Peruntukan besar ini bagi memenuhi permintaan untuk tenaga kerja yang berkemahiran dan berpengetahuan serta kreatif dan inovatif selari dengan dasar negara ke arah pertumbuhan bernilai tambah tinggi. Daripada jumlah ini, RM2.4 bilion adalah untuk pengajian tinggi, RM2.8 bilion untuk pendidikan rendah dan menengah manakala RM1.2 bilion bagi program latihan kemahiran industri. Selain daripada itu, bagi memupuk asas pendidikan yang teguh, sejumlah RM172 juta pendidikan prasekolah akan diperluas dan diperkukuh, terutamanya di kawasan luar bandar.

Jumlah pendaftaran pelajar di sekolah rendah dan menengah dijangka mencecah 5.2 juta pada tahun 2012. Dengan jangkaan sebanyak 43 sekolah rendah dan menengah siap dibina, lebih kurang 7,600 guru sandaran akan diserap dan diberi latihan yang bersesuaian. Sebanyak 90 projek sekolah baru, termasuk 12 asrama akan dibina sementara sejumlah RM777 juta akan disediakan untuk membaik pulih dan menaik taraf sekolah di seluruh negara. Daripada jumlah

ini, RM534 juta disediakan untuk sekolah di luar bandar Sabah dan Sarawak. Pendidikan celik komputer dan IT akan terus diperkukuh dengan peruntukan RM249 juta.

Latihan kemahiran dan industri dalam pelbagai bidang akan diperkukuh dan dipergiatkan bagi memenuhi keperluan industri dan menangani kekurangan pekerja mahir. Peruntukan yang sewajarnya akan disediakan untuk mengurus, melengkap dan menaik taraf kemudahan di politeknik, institut latihan perindustrian dan kolej komuniti. Sementara itu, ADTEC di Taiping, Bintulu, Jerantut, Shah Alam dan Kemaman yang telah siap dibina akan dilengkapkan.

Pengajian tinggi diberi peruntukan terbesar dalam subsektor pendidikan. Peruntukan ini adalah bagi memastikan institusi pengajian tinggi terus dimantapkan untuk memenuhi standard bertaraf dunia serta menyumbang ke arah pembangunan sosioekonomi negara. Bagi tujuan ini, pelbagai program dan projek pengajian tinggi akan dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti dan akses kepada pengajian tinggi. Projek utama yang sedang dilaksanakan, termasuk penambahbaikan dan pengembangan Universiti Malaya (UM), UKM, UTM dan UiTM. Aktiviti penyelidikan akan terus dipergiatkan (RM484 juta) bagi meningkatkan keupayaan inovasi negara sementara lebih ramai pensyarah diberi peluang untuk mengikuti program PhD bagi meningkatkan kualiti pengajaran (RM432 juta). Hasrat Kerajaan untuk mempelopori kecemerlangan dalam sektor pengajian tinggi antara lain melalui peningkatan jumlah pemegang PhD kepada 60,000 menjelang 2020.

Memandangkan penduduk yang sihat merupakan aset yang tidak ternilai kepada negara, subsektor kesihatan diberi peruntukan kedua terbesar sebanyak RM1.9 bilion. Kerajaan akan memastikan akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan berpatutan di kawasan bandar dan luar bandar kekal menjadi keutamaan. Sejumlah RM722 juta akan digunakan untuk menaik taraf hospital, termasuk Hospital Kuala Lumpur, Hospital Putrajaya, Hospital Queen Elizabeth di Sabah, dan Hospital Kangar di Perlis. Di samping itu, sebanyak RM575 juta diperuntukkan untuk membina hospital dan klinik baru. Sejumlah 23 Klinik 1Malaysia lagi akan beroperasi pada awal tahun 2012 untuk memberi perkhidmatan yang lebih meluas kepada penduduk seiring

dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan 100 Klinik 1Malaysia menjelang hujung 2012.

Di peringkat kerajaan tempatan, penyampaian perkhidmatan serta penyediaan infrastruktur dan kemudahan akan dipertingkatkan lagi dengan peruntukan yang besar sebanyak RM1 bilion. Peruntukan disediakan untuk pengurusan sisa pepejal (RM367 juta), projek penjanaan pendapatan mikro (RM292 juta), perkhidmatan bomba (RM268 juta) serta perkhidmatan kebajikan untuk warga tua dan miskin. Pembangunan masyarakat luar bandar akan dirancakkan melalui peruntukan sebanyak RM646 juta untuk meningkatkan kemahiran sara diri rakyat miskin luar bandar secara berkekalan. Untuk tujuan ini, program dan projek yang menyemai kemahiran sendiri dan menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi akan dipercepat. Di bawah NKRA mempertingkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, sejumlah RM112 juta disediakan bagi inisiatif antara lain penambahbaikan pengangkutan awam di kawasan luar bandar, pembinaan asrama untuk pelajar serta pelaksanaan program perniagaan kecil 1Azam. Untuk golongan miskin tegar luar bandar, pelbagai program yang menjana pendapatan seperti skim agropolitan di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar (RM110 juta) akan diperluaskan bagi meningkatkan pendapatan benar. Sejumlah RM114 juta juga disediakan untuk membolehkan masyarakat orang asli terlibat dalam aktiviti ekonomi yang produktif.

Selaras dengan dasar Kerajaan bagi membantu menyediakan rumah mampu milik untuk semua golongan berpendapatan rendah, sejumlah RM546 juta diperuntukkan untuk pembinaan, pemulihan dan penyelenggaraan PPR Dimiliki, PPR Disewa dan PPR Bersepadu. Program pembinaan dan baik pulih kuarters kakitangan awam akan disediakan peruntukan sebanyak RM192 juta. Sementara itu, bagi memastikan persekitaran kerja dan suasana kehidupan yang selamat dan sihat serta menjalankan aktiviti perniagaan yang kondusif, keselamatan negara dan ketenteraman awam akan terus diberi keutamaan. Untuk tujuan ini, sektor **keselamatan** diperuntukkan RM4.4 bilion bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan pasukan beruniform melalui pembelian dan penaiktarafan peralatan, peningkatan kemahiran dan pementapan pengawasan. Kehadiran dan keberadaan polis di bandar

juga akan dipertingkatkan di kawasan jenayah tinggi melalui peruntukan sebanyak RM112 juta di bawah NKRA untuk mengurangkan jenayah.

Peruntukan untuk **pentadbiran am** dijangka berjumlah RM1.4 bilion bagi perbelanjaan pelbagai projek ICT di jabatan Kerajaan (RM674 juta) serta kerja-kerja pembinaan bangunan, penaiktarafan dan penyelenggaraan kemudahan seperti kuarters, mahkamah kehakiman, pejabat daerah dan tanah serta bangunan Kerajaan pusat di seluruh negara (RM459 juta). Peruntukan juga disediakan untuk projek pengambilalihan tanah dan bantuan teknikal. Sementara itu, produktiviti dan penyampaian perkhidmatan akan ditingkatkan secara berterusan melalui penggunaan aplikasi ICT yang meluas. Projek yang dilaksanakan, termasuk pengkomputeran jabatan Kerajaan, pembangunan perkhidmatan e-Kerajaan dan e-Tanah, dan pengurusan perkhidmatan portal serta pelbagai projek ICT.

Hasil Kerajaan Persekutuan diunjurkan meningkat 1.9% kepada RM186.9 bilion selaras dengan prospek ekonomi dalam negeri yang terus berkembang. Harga komoditi yang lebih tinggi, peningkatan akses berterusan kepada pinjaman, keuntungan perniagaan yang teguh dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dijangka memperkukuh penggunaan swasta dan mencergaskan aktiviti pelaburan pada keseluruhannya. Perkembangan yang menggalakkan ini akan menyumbang

kepada hasil cukai yang lebih tinggi (RM135.6 bilion). Komponen utama hasil cukai iaitu cukai langsung (RM102.1 bilion) dan cukai tidak langsung (RM33.5 bilion) dijangka terus mencatat peningkatan, mencerminkan pengembangan aktiviti ekonomi domestik yang lebih kukuh dalam semua sektor serta perdagangan intraserantau yang menggalakkan. Terimaan daripada PITA (RM26.2 bilion) dijangka kekal tinggi berikutan permintaan serantau yang kukuh ke atas minyak mentah dari kalangan negara Australia, India, Thailand, Filipina dan Korea. Terimaan daripada hasil bukan cukai, merangkumi pendapatan pelaburan, lesen, bayaran pendaftaran dan permit serta hasil dari wilayah persekutuan pula dijangka lebih rendah sedikit berjumlah RM51.3 bilion.

Kerajaan komited untuk mengukuhkan kedudukan fiskal seperti disandarkan kepada jangkaan defisit yang lebih rendah pada tahun 2012. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus menggerakkan momentum pertumbuhan serta melaksanakan inisiatif transformasi ekonomi bagi memacu negara ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Sehubungan dengan ini, kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta sasaran fiskal jangka sederhana adalah amat penting untuk dilaksanakan bagi memastikan kemampanan kedudukan fiskal dan asas-asas makroekonomi yang terus stabil. Oleh yang demikian, pengurusan defisit yang berhemat akan dipertingkatkan melalui perbelanjaan yang cekap dan produktif manakala langkah-langkah meningkatkan hasil akan diperkukuh.

